

No. Kelas:
 No Projek:
 Tarikh:



DILEMA DAN TEKANAN YANG DIHADAPI
 OLEH PASANGAN DWI KARRIER
 DALAM KEHIDUPAN
 BERUMAHTANGGA

MAIMUNAH BINTI HAJI MOHAMAD

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
 SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
 IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
 DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PSIKOLOGI
 FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
 BANGI

1986

Bilik Sumber
 Jabatan Psikologi & Sosiologi
 Universiti Malaysia

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Pertama sekali dipanjat kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurnianya memberi semangat dan kekuatan untuk saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Ingin saya sampaikan jutaan terima kasih saya kepada Dr. Yahaya Mahamood selaku penyelia saya yang telah banyak memberi bimbingan dan mengorbankan masanya bagi membentu saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Tanpa bimbingan darinya sudah pasti Latihan Ilmiah ini tidak berjaya dengan baiknya.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Fatimah Abdullah yang telah memberi bantuan dari segi sumber-sumber rujukan. Kerjasama beliau amat dihargai.

Tidak ketinggalan juga ingin saya rakamkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah di Jabatan Psikologi atas ilmu yang telah banyak dicurahkan dan tidak ternilai harganya bagi saya. Semoga ianya kekal abadi di sudut memoir ini. Saya juga amat terhutang budi kepada Perpustakaan Tun Sri Lanang yang merupakan gedung ilmu bagi saya membuat rujukan sepanjang saya berada di kampus ini.

Akhir sekali ingin saya hulurkan ucapan terima kasih kepada responden kajian saya, juga kepada saudari Jara, Lenny, Syah dan Yati kerana telah membantu saya menaip tesis ini hingga siap.

Semoga Allah limpahkan rahmat ke atas mereka.

Yang benar,
Maimunah binti Haji Mohamad
212, Jalan Baharu Prai, 13700,
Seberang Perai,
Pulau Pinang.

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh pasangan suami isteri bekerja (dwi karier). Masalah yang sering ditumpukan ialah dalam konteks memenuhi peranan. Isteri yang bekerja harus memenuhi kedua-dua peranan sebagai pekerja dan juga sebagai surirumah. Adakah terdapat tugas-tugas yang berat yang menyebabkan tekanan kepada isteri yang bekerja?.

Seramai 40 pasang suami isteri dari 4 kategori pekerjaan iaitu A,B,C dan D telah diambil sebagai subjek kajian. Alat pengukuran yang digunakan ialah soal selidik berbentuk self administered. Keputusan menunjukkan bahawa masalah yang hanya dihadapi oleh pasangan dwi karier adalah tugas-tugas rumah. Analisis yang menggunakan Chi Kuasadua menunjukkan bahawa terdapat perbeaan yang signifikan dalam pembahagian tenaga bagi tugas-tugas rumah mengikut jantina. Dari pada hipotesis kedua, ujian Chi Kuasadua menunjukkan penglibatan yang bagi suami dalam tugas-tugas rumah. Rata-ratanya, penglibatan suami masih di tahap yang rendah. Pekali Korelasi Pearson (r) menunjukkan tidak terdapat korelasi yang signifikan antara perasaan tekanan dan bebanan tugas-tugas rumah. Akhirnya, ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbeaan yang signifikan dalam proses membuat keputusan bagi pasangan tersebut. Kedua-dua suami dan isteri melakukannya secara bersama. Kese-luruhannya, kajian ini hanya menerima hipotesis pertama dan menolak tiga hipotesis lainnya.

SYNOPSIS

This research was conducted to study the problems that are faced by the dual career couples. Their problem mainly centered around the role fulfilment. The working wife had to fulfil both role as a worker and a housewife. Would such heavy task created stress to the working wives?

A total of 40 couples from 4 types of work categories, A,B,C and D were selected as subjects. The instrument used was self administered questionnaire. The result showed that the only problem faced by working couples was domestic work. The analysis using Chi Square showed there was a significant difference in the division of domestic chores according to sexes. From the second hypothesis, Chi Square test demonstrated a significant participation of the husband in domestic chores even though, as a whole, there was a low level of husband involvement. The Pearson Correlation Coefficient (r) indicated a non significant correlation between the feeling of stress and the domestic working loads. Finally, the t test analysis showed that there was no significant difference in decision making processes made by the couples. Both husband and wife were involved in process of making the decision. Thus, the study can only accept the first hypothesis and rejected the other three.

KANDUNGANHalaman

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)	ii
SYNOPSIS (BAHASA INGGERIS)	iii
KANDUNGAN	iv
DAFTAR JADUAL	vi
DAFTAR RAJAH	vii
 BAB I : PENGENALAN	1 - 25
- Pendahuluan	1
- Kenyataan Permasalahan	4
- Tujuan Kajian	8
- Skop Kajian	9
- Kajian-kajian Lepas	10
- Ulasan Kajian-kajian Lepas	16
- Definisi Konsep	
Tekanan	17
Kuasa	24
- Hipotesis Kajian	25
- Kesimpulan Bab I	26
 BAB II : METODOLOGI	27 - 39
- Rekabentuk Kajian	27
- Subjek Kajian	27
- Alat Pengukuran	30

KANDUNGAN

Halaman

- Penganalisisan Data	32
- Kebolehpercayaan Alat Pengukuran	34
- Masalah Dalam Kajian	37
- Kesimpulan Bab II	39

BAB III : KEPUTUSAN

- Hasil Kajian Secara Umum	40 - 47
- Keputusan Hipotesis 1	48
- Keputusan Hipotesis 2	50
- Keputusan Hipotesis 3	52
- Keputusan Hipotesis 4	55
- Kesimpulan Bab III	57

BAB IV : PERBINCANGAN DAN PENUTUP

- Perbincangan Secara Umum	
- Perbincangan Hipotesis 1	63
- Perbincangan Hipotesis 2	64
- Perbincangan Hipotesis 3	67
- Perbincangan Hipotesis 4	70
- Penutup	72
- Cadangan-cadangan Untuk Penulisan	
Masa Depan	74

Daftar Jadual

<u>Jadual</u>	<u>Halaman</u>
2.1 Pemilihan Subjek Mengikut Kategori Pekerjaan (Berdasarkan tempat kerja)	28
2.2 Pemilihan Subjek Mengikut Kategori Pekerjaan (berdasarkan jenis pekerjaan)	29
2.3 Reliabiliti Alat Ukuran	35
3.1 Umur dan Bilangan Anak Responden	40
3.2 Bentuk Penjagaan Anak Responden	
3.3 Pandangan dan Alasan Suami Terhadap Isteri Bekerja	45
3.4 Kekerapan Melakukan Tugas-tugas Rumah Bagi Pasangan Suami Isteri	48
3.5 Peratus Penyertaan Suami Isteri (dalam tugas-tugas domestik)	51
3.6 Peratus Gangguan Kesihatan Dan Nilai Khi Kuasadua	53
3.7 Ringkasan ujian t bagi Proses Membuat Keputusan	55
3.8 Peratus Proses Membuat Keputusan Bagi Suami Isteri	56

Daftar Rajah

Halaman

Rajah 1.1	Diagram Heuristik Bagi Model Yang Menjangkakan Kesan Masa Bekerja Ke atas Perkongsian Peranan Suami Dan Kesanggupan Peranan Suami	11
Rajah 1.2	Model Tekanan Sebagai Gerakbalas	18
Rajah 1.3	Model Tekanan Sebagai Rangsangan	19
Rajah 1.4	Model Transactional Tekanan Kerja	20
Rajah 1.5	Ilustrasi Proses Tekanan	21
Rajah 3.1	Sebab Suami Bekerja	42
Rajah 3.2	Sebab-sebab Isteri Bekerja	43
Rajah 3.3	Masalah Yang Sering Dihadapi Oleh Pasangan Dwi Karier	47

KANDUNGAN

RUJUKAN

PENGESALAH

LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Data Mentah Analisis Komputer
- C Senarai Kedudukan Perjawatan Universiti
 - Mengikut Jabatan/Fakulti Dan Kategori
- D Senarai Kedudukan Perjawatan Akademik
Universiti Kebangsaan Malaysia Mengikut
Fakulti/Institut/Pusat.
- E Rajah 1 : Pelan Tapak Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi dan bandar-bandar di sekelilingnya.

Rajah 2 : Pelan Tata Atur Kampus Universiti
Kebangsaan Malaysia, Bangi.

BAB I

PENGENALAN

Pendahuluan

Wanita yang bekerja bukan lagi merupakan fenomena baru dalam mana-mana masyarakat moden. Ini memandangkan arus revolusi pendidikan, peredaran masa serta kemajuan sains dan teknologi telah membuka peluang serta meninggikan lagi penyertaan kaum wanita di bidang pekerjaan. Dari Lapuran Jabatan Perangkaan Malaysia, penglibatan kaum wanita dalam sektor ekonomi telah meningkat dari 38.9% daripada jumlah tenaga buruh pada tahun 1970 kepada 42.2% pada tahun 1980. Sejak tahun 1981 pula, telah dijangkakan bahawa golongan yang bekerja akan meningkat lebih dari 32.2% dari jumlah tenaga pekerja.

Pergerakan 'pembebasan wanita' telah lama menembusi tirai sosialisasi negara ini dan lanjutan dari ini, kaum wanita yang bekerja telah mencapai satu kedudukan yang dapat menyaingi kaum lelaki dari segi kuantiti dan dalam kebanyakan sektor awam dan swasta. Ini pula bergantung kepada kelayakan, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki. Proses urbanisasi yang semakin pesat dan penciptaan teknologi baru telah meluaskan lagi penglibatan kaum wanita di dalam pekerjaan (Nichols et al, 1971). Kebebasan kaum wanita untuk bekerja di luar rumah telah dimungkinkan dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti peralatan moden untuk melakukan kerja-kerja rumah, perkhidmatan pembantu rumah dan lain-lain bentuk penjagaan anak kecil dan pra sekolah.

Sudah lumrahnya bahawa wanita yang bekerja akan mengalami alam berumahtangga dan seterusnya berkeluarga. Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa dari seramai 36 juta orang yang bekerja, 22.4 juta atau 62.3% dari mereka telahpun berumahtangga (Nor Jahan, 1984). Di negara ini, suami isteri yang sama-sama bekerja bukan lagi merupakan suatu fenomena yang luar biasa. Suami isteri yang bekerja untuk menampung keperluan sara hidup rumahtangga, telah menjadi satu corak hidup dalam struktur pembangunan segara. Dari setinggi-tinggi jawatan yang disandang hingga kepadanya serendah-rendah kategori pekerjaan, terdapat ramai pasangan suami isteri yang bekerja.

Pasangan suami isteri yang bekerja merupakan pasangan yang melibatkan diri secara aktif dalam pekerjaan di samping kehidupan berkeluarga. Dalam kajian ini, pekerjaan yang dimaksudkan adalah kegiatan-kegiatan yang tersusun, memerlukan tenaga dan produktif yang melibatkan diri seseorang itu secara sepenuh masa. Ianya juga memerlukan kelayakan pelajaran formal. Pekerjaan ini juga merujuk kepada kegiatan yang dilakukan dan dibezaikan dari aktiviti lain mengikut ruang dan waktu (Ropoport & Ropoport, 1971). Suami dan isteri akan meninggalkan rumah dalam jangkamasa yang tertentu sepetimana ditetapkan oleh pihak majikan. Berbeza dengan pasangan dwi karier, pasangan yang hanya suami sahaja bekerja, isteri melakukan beberapa kepatuhan atau pengorbanan yang tertentu dalam usaha memperkembangkan dan menyokong karier suami (Henslin, 1980). Isteri harus mengkesampingkan karier dan aspirasinya dan cuba menyesuaikan kehidupan berdasarkan tuntutan dan juga peneguhan yang disediakan dari pekerjaan suami mereka. Suami pula bekerja bagi menjamin ekonomi dan keselamatan keluarga.

Hasil daripada penglibatan kaum wanita khususnya kaum isteri, akan mewujudkan beberapa kesan positif dan negetif kepada setiap ahli keluarga tersebut. Kesan ini boleh ujud pada dirinya sendiri, status suami dan anak-anak, hubungan kekeluargaan, penyesuaian serta urusan dalam rumah tangga dan juga kesan pada masyarakat di mana ia berada. Kesan positifnya ialah ianya dapat meninggikan taraf hidup keluarganya. Menurut Booth (1977), pasangan dwi karier boleh menikmati kehidupan yang lebih menyeronokkan dalam kehidupan berumah-tangga. Di samping itu, isteri yang bekerja memperolehi kemahiran di bidang pekerjaan, lebih bersifat berdikari dan berkeyakinan pada diri sendiri (Lifton; 1965). Melalui Jones dan Cowekers (1967) (dalam Hoffman; 1975), mendapati anak-anak yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang bekerja di bidang profesional telah memperlihatkan daya pencapaian yang lebih tinggi dan lebih baik dalam pelajaran daripada anak-anak yang ibu-ibunya tidak bekerja.

Sementara itu kesan yang negetif seringkali dikaitkan dengan masalah dan tekanan yang dihadapi oleh pasangan suami isteri yang bekerja dalam mengendalikan tugas-tugas di tempat kerja dan juga di rumah. Individu yang bekerja memerlukan daya tenaga untuk berfikir di samping menggunakan tenaga fizikal. Proses sebegini boleh menimbulkan keletihan, dan ini kalau ditambah lagi dengan faktor-faktor seperti suasana tempat kerja yang kurang memuaskan, jauh dari tempat tinggal dan lain-lain yang berhubungan boleh menimbulkan ketegangan pada seseorang individu itu. Seterusnya, apabila pasangan suami isteri ini pulang ke rumah, mereka terpaksa melaksanakan tugas-tugas rumah tangga pula. Di samping itu, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa penglibatan kaum isteri dibidang pekerjaan telah mewujudkan masalah-masalah sosial seperti kurangnya penjagaan dan didikan terhadap kanak-kanak dan mungkin

juga berlaku masalah seperti kanak-kanak terbiar (Nor Jahan, 1984). Justru itu, perencanaan yang baik seperti corak pengurusan yang efisyen dan penyesuaian kepada kehidupan berumahtangga amatlah perlu untuk melahirkan keluarga bahagia di kalangan pasangan dwi karier.

Kenyataan Permasalahan

Apabila sesebuah keluarga bermula, suami dan isteri telah dapat menjangkakan apakah peranan yang bersesuaian yang harus dimainkan. Jangkaan ini berkembang dari proses sosialisasi terhadap tingkah laku ibu bapa dan interaksi dengan masyarakat sekelilingnya. Seseorang isteri harus tahu peranannya sendiri dan begitu jugalah bagi pihak suaminya. Jika suami dan isteri saling memahami tentang peranan masing-masing, maka kehidupan berumahtangga akan menjadi harmoni. Menurut Francine dan Douglas Hall, pengarang buku *The Two Career Couple* (dalam Dewi, Nov. 1981), pasangan suami isteri yang bekerja boleh berjaya dalam hidup sekiranya mereka lebih mementingkan karier dari soal rumahtangga, menerokai bidang yang sama dan tidak mempunyai anak. Di samping itu, mereka juga mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap sebarang masalah, sama-sama cuba mengatasinya dan saling bantu membantu. Apa yang penting ialah persefahaman antara suami isteri untuk mencapai kebahagiaan rumahtangga. Di samping itu, ketabahan merupakan faktor utama mereka berjaya dalam mencapai dua matlamat, iaitu di bidang karier masing-masing dan kehidupan berumahtangga. Namun, jika suami memandang peranan isteri sebagai peranan tradisi iaitu peranan suri rumah sepenuh masa, tetapi isteri lebih cenderung ke arah kariernya, maka ini akan menimbulkan perselisihan faham atau konflik antara suami isteri.

Burke dan Weir (1976), mendapati suami dari pasangan dwi karier mengalami tekanan dan ketegangan disebabkan kekurangan layanan dari isteri dan lanjutan dari ini merenggangkan hubungan kekeluargaan. Di samping itu, kerja-kerja rumah dan tanggungjawab mengasuh anak bertambah dan kewibawaan suami sebagai ketua keluarga menjadi berkurangan.

Di dalam keluarga dwi karier, peranan isteri adalah sebagai suri rumah, ibu dan juga sebagai pekerja. Walaupun kini mereka berkongsi peranan sebagai pencari nafkah bersama suami, namun kedudukan mereka sebagai suri rumah dan ibu yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada rumah tangga masih kekal. Isteri masih lagi dianggap sebagai mempunyai tanggungjawab yang utama terhadap rumah-tangga dan keluarga. Tuntutan peranan sebagai suri rumah, ibu dan pekerja menyebabkan mereka menghadapi konflik peranan dan sentiasa bimbang dengan agihan masa yang secukupnya untuk anak-anak (Strange, 1981). Perseimbangan ketiga-tiga tuntutan ini adalah penting dalam melahirkan keluarga bahagia dan supaya nilai seorang 'wanita' mengikut pandangan dan kehendak tradisi masyarakat tetap dipertahankan. Perasaan bersalah mungkin dirasai oleh wanita jika ia meninggalkan peranan tradisi yakni urusan rumah tangga hanya semata-mata mahu menceburkan diri serta berjaya dalam dunia pekerjaannya. Masyarakat sering memandang wanita berdasarkan satu kategori jantina, iaitu sebagai seorang isteri kepada suami dan ibu kepada anak-anaknya (Parson, 1942). Mereka juga dianggap sebagai orang yang paling sesuai menjaga anak seiring dengan tugas biologi mereka melahirkan anak itu.

Oleh sebab tuntutan peranan yang harus dilaksanakan oleh isteri yang bekerja, maka sudah pastilah mereka menghadapi masalah dalam

mengimbangi tugas tersebut. Di samping itu, gangguan kesihatan seperti keletihan, ketegangan, konflik dan tekanan sering dirasai mereka. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa isteri yang bekerja menghadapi tekanan dalam kehidupan berumahtangga lebih dari suami (Erickson, 1979; Lidsky, 1979; Stellman dan Daum, 1975). Konflik peranan dan keimbangan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembahagian masa yang cukup untuk keluarga sering dirasai oleh isteri-isteri yang bekerja (Strange, 1981). Tekanan dalam menjalankan tugas sehari-hari akan lebih dirasai oleh isteri apabila suami enggan membantu mereka dalam pengurusan rumah tangga. Situasi ini wujud lantaran tanggapan dan penilaian suami bahawa tugas urusan rumah tangga adalah menjadi tanggungjawab isteri sepenuhnya. Dalam konteks pandangan tradisi, seorang suami adalah pemberi nafkah kepada keluarga sementara isteri berperanan menjaga anak, menyediakan makanan, melayan suami, membersih dan mengemas rumah.

Keadaan menjadi semakin kompleks dalam keluarga yang berbentuk nuklier, yakni pasangan suami isteri dan anak-anak sahaja yang tinggal dalam sesebuah keluarga, tanpa ada saudara muda yang lain tinggal bersama. Keluarga begini akan terpisah dari unit kekeluargaan dan ini akan menyukarkan lagi suami isteri untuk mendapatkan orang yang boleh menjaga anak-anak mereka dan membantu dalam pengurusan tugas-tugas rumah tangga. Ketiadaan pembantu rumah tambah menyulitkan lagi keadaan kehidupan sehari-hari di mana beban urusan rumah tangga terpaksa dipikul bersama tanpa bantuan luar. Malah dewasa ini, pembantu rumah agak sukar didapati kerana penglibatan mereka yang lebih dalam ekonomi industri.

Sekiranya mereka mempunyai anak yang bersekolah, pasangan dwi karier ini terpaksa mengatur bentuk penjagaan anak-anak selepas sekolah. Anak-anak yang belum bersekolah terpaksa ditempatkan

di taman asuhan kanak-kanak oleh kerana ketiadaan pembantu rumah.

Menyentuh tentang dilema pasangan ini, penglibatan isteri dibidang pekerjaan juga telah mengubahsuai peranan atau integrasi peranan dalam kehidupan berumahtangga (Booth, 1977; Fatimah, 1983; Judith, 1979). Penyesuaian peranan yang harus dimainkan oleh pasangan dwi karier ini melibatkan gunatenaga yang tinggi dan organisasi yang baik dalam mengendalikan hal-hal rumahtangga.

Pada masa yang sama juga mereka terpaksa aktif dalam dunia pekerjaan mereka. Masa dan tenaga untuk mengimbangi tugas-tugas ditempat kerja dan di rumah adalah terhad. Ini boleh menimbulkan keletihan dan ketegangan. Penyesuaian peranan yang berlaku ini melibatkan pihak suami dalam kerja-kerja rumah, justru kerana sumbangan isterinya dalam ekonomi rumahtangga. Namun, dalam konteks penyesuaian ini, berlaku juga tekanan dan konflik khususnya mengenai peranan dalam rumahtangga yang pada lazimnya dilakukan oleh isteri.

Mengizin dan menggalakkan isteri bekerja, bermakna akan menambahkan lagi bebanan tugas yang harus dilaksanakan dan faktor ini boleh menimbulkan keletihan, konflik, tekanan dan kebosanan terhadap suami.

Kurangnya penglibatan suami dalam kerja-kerja domestik adalah akibat dari proses sosialisasi. Pada umumnya, sejak kecil lagi anak-anak perempuan digalakkan menolong ibu di dapur dan anak lelaki digalakkan untuk menolong bapa membuat kerja-kerja di luar rumah yang lebih memerlukan tenaga fizikal yang kuat. Sosialisasi ini telah terbawa-bawa ke alam dewasa dan ke alam berumahtangga di mana kebanyakan tempat untuk kaum lelaki adalah di luar rumah dan isteri terlibat secara langsung dalam tugas-tugas rumah. Kemasukan isteri ke arena pekerjaan, telah menimbulkan konflik bagi suami yang

sejak kecil lagi telah disosialisasikan ke dalam dirinya kerja-kerja yang bukan bersifat keperempuanan. Malah suami akan merasa rendah diri dan sifat kelelakiannya tergugat seandainya mereka melakukan tugas-tugas yang berkaitan dengan kerja-kerja rumah (Burke dan Weirs, 1976). Konflik di kalangan suami akan lebih bertambah lagi jika seseorang suami itu tidak gemar melakukan kerja-kerja domestik. Penglibatan isteri dalam bidang pekerjaan juga telah menjelaskan sedikit sebanyak kedudukan suami dari segi dominasi dan kekuasaan (Bahr, 1971). Apabila isteri bekerja, menjadikan peranannya lebih secukup dengan imej kendirinya dan suami pula akan merasakan kendirinya agak terjejas.

Jelasnya, pasangan suami isteri yang bekerja mengalami dilema dalam penyesuaian peranan dan ini pula boleh membawa tekanan dan konflik akibat daripada faktor-faktor persekitaran iaitu keadaan pekerjaan dan faktor masa dan tenaga yang terhad. Menurut Boulding (1976), apabila wanita mengalami tekanan rol berlebihan, lelaki akan mengalami deprivasi peranan dan anak-anak pula mengalami kekurangan pengalaman semasa proses sosialisasinya.

Tujuan kajian

Memandangkan pada masa kini, pasangan dwi karier semakin popular dan lanjutan dari itu menimbulkan pelbagai masalah dalam kehidupan berumahtangga, maka kajian ini bertujuan untuk melihat beberapa aspek yang berhubung dengannya. Pertama, bagaimana pasangan dwi karier dapat mengurus serta menjalankan kehidupan berumahtangga bagi mencapai kepuasan dan kebahagian dalam hidup. Keduanya ialah untuk mengetahui aspek-aspek yang menyebabkan dilema dan tekanan dalam kehidupan berkeluarga serta persoalan yang berkait dengannya seperti pembahagian tugas dalam rumahtangga dan kuasa di dalam

membuat keputusan. Pengkaji juga berminat untuk mengesan sejauh-mana isteri yang bekerja dapat melahirkan kepuasan hidup dan matlamat rumah tangga bahagia. Akhir sekali kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana isteri yang bekerja dapat mengatasi konflik atau tekanan yang dihadapi.

Kajian yang menyentuh mengenai pasangan suami isteri yang bekerja perlu difokuskkan memandangkan pasangan dwi karier ini semakin popular pada masa kini. Lanjutan dari itu, dikatakan pasangan ini sering mengalami dilema dalam kehidupan berumah tangga. Justru itu kajian ini penting dijalankan untuk melihat bagaimana pasangan suami isteri yang bekerja menjalani kehidupan berumah tangga. Aspek-aspek yang berkaitan dengan pengurusan rumah tangga dan persoalan penentuan kuasa dalam membuat keputusan menjadikan mereka merasa dalam keadaan konflik. Diharapkan juga kajian ini dapat dijadikan panduan kepada penuntut-penuntut yang majoritinya akan bekerja dan menempuh alam berumah tangga. Sumbangan penulisan ini juga diharapkan dapat memperbaikkan lagi ilmu pengetahuan untuk pelajar-pelajar khususnya dan masyarakat luar amnya.

Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya meliputi pasangan suami isteri yang bekerja dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak. Umur anak juga diberi pertimbangan, iaitu hanya anak yang di bawah umur 12 tahun kebawah sahaja yang diambil. Ini adalah kerana anak-anak ini masih di peringkat pra sekolah dan peringkat sekolah rendah. Dalam hal ini, anak-anak kecil lebih banyak menimbulkan masalah, konflik, keletihan dan ketegangan di kalangan pasangan suami isteri yang bekerja. Pemilihan tidak dilakukan kepada anak-anak yang melebihi had umur ini kerana dijangkakan mereka kurang memerlukan


penjagaan rapi seperti anak-anak kecil. Di samping itu, mereka juga telah dapat berdikari sedikit sebanyak dan kurang menyusahkan ibu bapa.

Kajian-kajian Lepas

Ahli-ahli sosiologi berpendapat bahawa sumber-sumber dari ekonomi seperti peranan-peranan dalam pekerjaan, ciri-ciri dan tuntutan pekerjaan akan mempengaruhi interaksi dalam kehidupan berkeluarga (Clark, Nye dan Gecas, 1978). Menurut mereka juga, masa yang lebih diluangkan untuk pekerjaan akan mengabaikan interaksi dalam hubungan kekeluargaan. Menurut Arnott (1972), sikap suami terhadap pekerjaan isteri akan menentukan samada ianya memberi kesan positif atau sebaliknya kepada hubungan keluarga.

Terdapat kajian-kajian yang menunjukkan bahawa isteri yang terlibat di bidang pekerjaan masih mempunyai banyak tugas-tugas dan urusan rumah tangga yang terpaksa dikendalikan sendiri (Szalai, 1972). Hasil kajian Fatimah (1933), menunjukkan bahawa agihan atau pembahagian tugas antara suami isteri masih bersifat tradisional dan mengikut jantina. Meskipun isteri melibatkan diri dalam pekerjaan, namun corak pembahagian tugas dalam rumah tangga tidak banyak memperlihatkan perubahan. Konsep peranan tradisi masih lagi kuat dipegang dan diamalkan. Analisis beliau juga menunjukkan rata-ratanya penglibatan suami dalam mengurus rumah tangga tidak banyak bertambah sebaliknya masih dibebankan ke atas isteri. Menurut Clark, Nye dan Gecas (1978), darjah penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah adalah ditentukan oleh taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan suami isteri. Menurut mereka lagi, keterlibatan suami yang lebih dalam pekerjaannya menyebabkan peranannya dalam rumah tangga akan ber-

kurangan. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan keadaan yang dinyatakan di atas mengenai penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah, yang relevan dengan faktor-faktor seperti taraf pendidikan, pekerjaan dan juga pendapatan isteri.



Rajah 1.1 . Diagram Heuristik Bagi Model Yang Menjangkakan Kesan-kesan Masa Bekerja Suami Ke Atas Perkongsian Peranan Suami Dan Kesanggupan Peranan Suami.

Powell (1963), telah menunjukkan bahawa penglibatan suami dalam rumahtangga akan bertambah jika isterinya bekerja dan mempunyai anak-anak yang masih kecil. Bagaimanapun akan peranan ini akan berkurangan apabila anak-anak itu sudah besar atau remaja. Kurangnya keterlibatan suami dalam kerja-kerja domestik menyebabkan isteri terpaksa melakukan tugas yang lebih banyak dan ini mungkin menyebabkan isteri menghadapi masalah keletihan, susah bangun di waktu pagi, mudah berasa bosan dengan kerja-kerja rumah dan sering merasa ketegangan serta sakit kepala (Fatimah; 1983). Sehubungan dengan ini juga, pengkaji-pengkaji seperti Dunlop (1981) dan Sawhill (1980) telah memperlihatkan bahawa isteri yang bekerja lebih banyak menghadapi ketegangan dan beban tanggungjawab yang berat. Ini adalah kerana ia harus mengseimbangkan tuntutan dwi peranan dalam kontek sebagai suri rumah yang bertanggungjawab dan pekerja yang berjaya. Ekoran dari perseimbangan tuntutan ini juga boleh membawa kepada keletihan, tekanan perasaan dan ketegangan di kalangan isteri yang bekerja. Menurut Berkley (1965), keadaan yang boleh membawa keletihan adalah seperti melakukan sesuatu tugas atau aktiviti yang berterusan, keadaan yang mengecewakan dan membosankan, suatu gerakan yang matlamatnya 'tidak jelas' (ambiguous) dan kurang interaksi dengan persekitaran.

Hasil kajian Christiano dan Fong (1980), menunjukkan di kalangan dwi karier, urusan rumahtangga seperti membasuh pakaian, memelihara anak serta memasak masih dilakukan oleh isteri. Ini disokong oleh Blood dan Wolfe (1960) yang mengatakan suami lebih cenderung menguruskan kerja-kerja rumah yang menggunakan tenaga fizikal sahaja seperti membersih kawasan luar rumah, menghias dan lain-lain. Malah menurut Oakley (1974), kebanyakan suami lebih gemar melakukan kerja-kerja yang menyeronokkan seperti bermain

dengan anak-anak ketika lapang. Menurut Lidsky (1979), kebanyakan suami yang menguruskan tugas-tugas rumah melakukannya dengan keadaan terpaksa. Bantuan yang diberikan tidak bersifat konsisten, dengan lain perkataan, ia tidak dibuat sebagai amalan harian.

Kajian Scanzoni (1978) memperlihatkan agihan tugas dalam rumah tangga yang dibuat mengikut secara tradisional, yakni tugas-tugas seperti mencuci pinggan mangkuk, membeli bahan makanan, penjagaan anak dan membasuh pakaian dilakukan oleh pihak isteri. Manakala tugas-tugas yang bersifat luaran seperti memperbaiki paip rosak, pagar dan lain-lain kerja luaran adalah dilakukan oleh pihak suami. Hasil kajian Mohd Roslan Ali (1984) pula mendapati bahawa suami lebih melibatkan diri dalam kerja-kerja yang kurang kompleks dan tidak memerlukan tenaga yang banyak. Walau bagaimanapun, keputusan kajiannya menunjukkan bahawa suami yang isterinya bekerja lebih banyak melibatkan diri dalam kerja-kerja domestik. Jelasnya, penglibatan isteri di bidang pekerjaan telah membawa penyertaan suami dalam melakukan tugas-tugas rumah tangga. Menurut Burgess, Locke dan Thomes' (1971), pembahagian tugas di dalam dan di luar rumah berdasarkan kepada siapa yang berkemampuan untuk melakukan tugas dan juga samaada tugas-tugas tersebut berat atau berbentuk luaran. Tugas-tugas dalam rumah seperti menyediakan makanan, membasuh dan penjagaan kawasan luar rumah dan hal-hal pemberian dilakukan oleh suami. Bagaimanapun menurut beliau lagi, apabila isteri bekerja khususnya bekerja sepenuh masa, suami akan memberi bantuan kepada kerja-kerja rumah (Burgess et al, 1971).

Terdapat kajian-kajian yang menunjukkan bahawa bantuan yang diberikan oleh suami boleh mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh isteri dalam melaksanakan kerja-kerja rumah. Ini dapat

dilihat dari kajian Cobb (1976), Mc Cubbin (1980) yang menunjukkan pentingnya peranan suami untuk mengurangkan tekanan yang dialami isteri seperti memberi sokongan sosial (social supportive). Begitu juga mengikut Berkowitz (1984) perkongsian dalam membuat kerja-kerja rumah antara suami isteri boleh mengurangkan tekanan. Bagaimanapun, menurut Stryker dan Macke (1978), feadah atau kepentingan yang didapati dari bantuan ini adalah kurang bererti.

Persoalan tentang dilema dan tekanan di kalangan pasangan suami isteri yang bekerja, bukan sahaja dialami oleh pihak isteri, malah pihak suami juga merasa tertekan. Menurut Burke dan Weir (1976), pasangan suami isteri yang bekerja sering merasa konflik dan tertekan kerana bertambahnya beban kerja di rumah serta tanggung-jawab menjaga anak. Di samping itu, peranan dan kewibawaan suami sebagai ketua keluarga juga terjejas. Layanan yang kurang dari isteri juga menyebabkan suami sering merasa bosan (Burke dan Weir, 1976). Keputusan kajian mereka juga menunjukkan suami yang mempunyai isteri yang bekerja lebih merasa tertekan dari suami yang isterinya tidak bekerja. Kebimbangan yang dinyatakan oleh suami dari pasangan dwi karier ialah masalah kewangan dan kesukaran dalam mengujudkan hubungan mesra serta kasih sayang dengan isteri (Burke dan Weir, 1976). Mereka juga didapati sukar untuk bekerja secara efektif dengan pola kehidupan berkeluarga. Walaubagaimanapun menurut Booth (1977), suami hanya merasa tertekan semasa isteri mula melibatkan diri dengan pekerjaan tetapi ini hanya bersifat sementara sahaja.

Satu lagi aspek yang seringkali dikaitkan dengan masalah yang dihadapi oleh pasangan dwi karier dalam kehidupan berumahtangga ialah soal penentuan kuasa dalam membuat satu-satu keputusan yang

berhubung dengan rumahtangga. Dalam keluarga tradisi, keputusan dalam hal-hal berkait dengan rumahtangga lebih merupakan tanggungjawab suami. Dewasa ini, kerana adanya isteri yang bekerja dan berperanan sebagai penyumbang ekonomi rumahtangga, maka mereka sering diajak berbincang dan pendapat mereka sering diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan.

Mengikut Fatimah (1983), salah satu yang membezakan pasangan tradisional dan pasangan dwi karier adalah dari segi penyebaran kuasa. Ini adalah kerana pasangan dwi karier lebih bersedia untuk bertolak ansur dan berkeupayaan untuk mengubah jangkaan-jangkaan terhadap peranan dan tanggungjawab. Hal seperti soal kewangan, perbelanjaan rumahtangga, hubungan kekeluargaan dan hal-hal kehidupan sosial sering dibawa berbincang. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa kuasa seorang isteri semakin bertambah yang meliputi kuasa dari segi kewangan dan kuasa membuat keputusan. Sementara itu, kuasa suami dari segi membuat keputusan mengenai keluarga tidaklah pula berkurangan malah masih kekal.

Menurut Christiano dan Fong (1980), isteri lebih berperanan dalam hal membuat keputusan mengenai hal-hal rumahtangga, penjagaan rumah dan keluarga serta pembelian sehari-hari. Pihak suami lebih menitikberatkan keputusan yang berkaitan dengan kerja-kerja pejabat. Blood (1960), telah menunjukkan bahawa soal-soal mengurus makanan keluarga dibuat oleh isteri manakala suami lebih kepada hal-hal yang berkaitan dengan kereta dan urusan pekerjaannya. Keputusan bersama dibuat dalam hal-hal pembelian rumah, urusan kesihatan keluarga serta merancang aktiviti sosial.

Menurut Blood dan Wolfe (1960), sumbangan isteri yang bekerja dalam perkara yang berkaitan dengan rumahtangga akan

berkurangan jika dibandingkan dengan isteri yang tidak bekerja. Ini berbeza dengan hasil kajian yang dibincangkan sebelum ini. Sementara kuasa isteri dalam hal-hal atau aktiviti luar akan bertambah di dalam membuat sesuatu keputusan mengenai ekonomi, ini disebabkan mereka kini telah mempunyai pendapatan sendiri (Blood dan Wolfe, 1960). Manakala Mohd Roslan Ali (1984) pula telah menunjukkan bahawa kebanyakannya hal-hal keluarga dan kehidupan berumahtangga adalah dibuat bersama oleh suami isteri.

Ulasan Kajian-kajian Lepas

Satu rumusan yang dapat dibuat dari kajian-kajian masa lalu yang menyentuh mengenai pasangan suami isteri yang bekerja ialah konsep peranan tradisi iaitu isteri sebagai surirumah yang harus bertanggungjawab sepenuhnya kepada urusan rumah tangga dan keluarga. Meskipun isteri kini telah terlibat sepenuhnya dalam bidang pekerjaan dan secara tidak langsung berperanan sama menyumbangkan pendapatan dalam keluarga, namun anggapan tradisi baiawa iateri bertanggung-jawab sepenuhnya sebagai surirumah masih kuat dipegang dan sukar dikikis serta diubah. Hakikat tradisi ini sememangnya ujud di dalam mana-mana budaya, samaada Barat ataupun Timur.

Telah diterima umum bahawa dalam masyarakat, anak dibesarkan selaras dengan tuntutan biologi dan mengikut kategori jantina. Secara ideal dan psikologinya, seorang lelaki itu mestilah gagah, bertanggungjawab, berfikiran waras, menghargai segala cabaran hidup, berkebolehan, bertenaga serta kepada lelaki, maka dengan itu lelakilah yang diberi tanggungjawab untuk memimpin dan memberi tunjukajar kepada wanita. Tugas yang mencabar adalah bersesuaian dengan kelelakian mereka, sementara hal-hal yang

bersifat keperempuanan tidak seharusnya dikekalkan dalam diri mereka. Dari sudut psikologi pula, wanita yang ideal adalah bersifat lemah lembut, merendah diri, taat dan sabar dalam mengurus rumah tangga dan juga bersifat pengasih pada anak-anak.


Dari segi status, kedudukan lelaki juga adalah lebih tinggi dan bersifat dominan dari wanita. Pada lazimnya, tugas lelaki juga adalah bersifat 'mengarah' dan 'memerintah', manakala wanita menerima perintah tersebut untuk dilaksanakan. Keadaan ini lazimnya berlaku dalam kehidupan berumah tangga. Urusan dan tugas-tugas rumah tangga harus dijalankan oleh isteri dan urusan mencari nafkah serta melindungi keselamatan keluarga adalah menjadi tanggungjawab suami. Suamilah yang memainkan peranan sebagai pemimpin, sementara wanita sebagai orang yang dipimpin, sedia mengorbankan kepentingan diri untuk kebahagian rumah tangga.

Definisi Konsep Tekanan

Tekanan merupakan desakan yang berlebihan yang mengakibatkan gangguan kepada sistem-sistem fisiologi, sosial dan psikologi (Seyle, 1956). Definisi konsep tekanan masih kurang jelas. Ini adalah kerana ketidak selaras dalam menentukan punca-punca atau sumber tekanan dan ciri pembolehubah tekanan. Pada lazimnya, apabila membincangkan tentang tekanan, dua perkara yang penting ditonjolkan ialah apakah keadaan yang menentukan atau mencetuskan gerakbalas tekanan dan kedua ialah apakah gerakbalas seseorang individu itu terhadap situasi yang mencetuskan tekanan ini.

Menurut Cox (1978), tekanan boleh dilihat sebagai pembolehubah bebas, terikat dan mencelah. Rajah 1.2, 1.3 dan 1.4 menunjukkan model


mengenai tiga ciri pembolehubah ini :



Rajah 1.2 : Model Tekanan sebagai Gerakbalas

Dua komponen asas dalam model ini ialah persekitaran dan individu. Tekanan di sini dicirikan dengan dua jenis tekanan iaitu fisiologi dan psikologi. Dalam rajah ini, tekanan dianggap sebagai gerakbalas kepada punca tekanan iaitu penekan. Penekan pula dicirikan sebagai pembolehubah bebas.

Dalam rajah 1.3 pula, tekanan merupakan rangsangan yang boleh membawa kepada ketegangan ke atas individu. Bagaimanapun, individu mempunyai limitasi tertentu dalam menghadapi ketegangan ini. Pada satu tahap yang tertentu, individu tidak berkeupayaan untuk menanggung ketegangan yang dihasilkan dari tekanan luaran. Sekiranya tekanan masih ujud pada tahap yang melebihi dari hadnya, maka kederaan dalaman dan kecelaruan fungsi akan berlaku pada seseorang individu tersebut.



Rajah 1.3 : Model Tekanan sebagai Rangsangan

Model tekanan sebagai pembolehubah mencelah menganggap tekanan sebagai mekanisma yang mencelah di antara rangsangan dan gerakbalas. Di sini tekanan adalah sesuatu yang kompleks dan bersifat diramik antara persekitaran dan individu. Tekanan, menurut Cox (1981), ialah satu fenomena persepsi yang lahir daripada perbandingan antara tuntutan ke atas individu dan kemampuannya untuk memenuhi tuntutan itu. Di sini, kognitif seseorang individu merupakan punca atau sumber tekanan ataupun sebaliknya. Rajah 1.4 menunjukkan model tekanan kerja yang memperlihatkan tekanan sebagai hasil transactional di antara individu dengan persekitaran. Apa yang dimaksudkan dengan transactional di sini ialah tekanan dilihat sebagai akibat daripada interaksi individu dengan persekitaran.


Menurut Mc Eelroy (1979), tekanan merupakan suatu proses yang melibatkan siri-siri yang kompleks terhadap perubahan dan penyesuaian dalam hubungan antara individu dengan persekitaran. Tahap-tahap proses yang dimaksudkan ialah seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.5

Konteks Sosial
Pekerjaan


Faktor-faktor Individu

Kesan maklumatbalas pada semua tahap

PUNCA-PUNCA TEKANAN



Rajah 1.4 : Model Transactional Tekanan Kerja



Rajah 1.5 : Ilustrasi Proses Tekanan

Penekan adalah keadaan atau rangsangan yang mencetuskan gerakbalas sesuatu organisasi. Ia melibatkan tahap stimulasi yang berubah daripada keadaan biasa dan dengan itu ia memerlukan penyesuaian oleh sesuatu organisme. Terdapat sekurang-kurangnya 4 tahap dalam proses ini. Pertama, penekan dilihat sebagai ancaman. Kedua, tubuh badan menggerakkan tenaga untuk pertahanan. Ketiga, tubuh cuba untuk menahan atau membuat penyesuaian terhadap penekan. Keempat, samaada terdapat penyesuaian atau ketegangan (Mc Elroy, 1979). Dalam model ini, penyesuaian bermakna tubuh berkeupayaan untuk bergerakbalas secara teratur kepada penekan. Sebaliknya ketegangan (strain) merupakan tanda gerakbalas yang tidak teratur kepada penekan. Menurut definisi Honigmann (1967), ketegangan merupakan hasil daripada perjuangan atau pergelutan, kerosakan dan keletihan, (dalam Mc Elroy, 1979).

Menurut Howard dan Scott (1970), gerakbalas yang dihasilkan akibat dari tekanan boleh dilihat perubahan dari segi fizikal, psikologikal atau sosial dan ianya boleh berpunca daripada sebab luaran atau individu itu sendiri. Ini juga sama seperti yang diutarakan oleh Tanner (1977), dan beliau mengatakan terdapat tiga jenis gerakbalas hasil daripada tekanan iaitu emosi, tingkahlaku dan fisiologi. Gerakbalas emosi merupakan yang paling ketara sekali seperti kemarahan, kebimbangan, ketakutan dan lain-lain. Gerakbalas tingkahlaku pula boleh dilihat dari kesilapan semasa menjalankan sesuatu tugas, pengurangan dalam hasil pengeluaran atau perubahan dalam pergaulan. Gerakbalas fisiologi yang melibatkan perubahan fisiologi ialah meliputi perubahan pada degupan jantung, tekanan darah, pernafasan, sakit kepala dan kemungkinan berlakunya barah. Di samping itu perubahan-perubahan fisiologi yang lain ialah seperti tidak dapat berkordinasi, ekspresi emosi seperti bergetar, gagap, bimbang, takut dan sebagainya. Menurut Seyle (1956), gerakbalas fisiologi hasil dari tekanan dikaitkan dengan tiga tahap. Pertama, reaksi yang mencemaskan, kedua, tahap rintangan yang melibatkan pertambahan keupayaan untuk organisme untuk bertindakbalas dan akhir sekali keletihan yang dicirikan oleh hilangnya fungsi kebolehan untuk meneruskan sesuatu kerja.

Sementara menurut Eittinger (1971), dalam keadaan kerja yang berat, kebimbangan dan ketakutan merupakan faktor-faktor etiologi yang penting. Sindrom-sindrom yang dapat diperhatikan pada seseorang yang mengalami tekanan menurut beliau ialah seperti kegagalan mengingati dan sukar menumpukan kepada sesuatu perkara, gugup, mudah merasa radang, gelisah, letih, gangguan semasa tidur, sakit

kepala, ketidakstabilan emosi, murung, hilang daya inisiatif dan merasa bosan.

Faktor individu juga memainkan peranan dalam menentukan sama-sama gerakbalas-gerakbalas tertentu menyambangkan sebagai penekan. Keadaan-keadaan yang boleh dikaji sebagai pembolehubah penekan ialah seperti perubahan budaya yang cepat, kegagalan, kekecewaan, persaingan yang dikaitkan dengan kerja, persediaan untuk peperiksaan, keadaan peperangan, pembedahan yang akan dialami, penyakit yang kronik, keterasingan, krisis dalam kehidupan berumahtangga, kehilangan orang yang dikasihi, penurunan pangkat, perubahan corak hidup seperti anak-anak yang telah meninggalkan rumah (Birren dan Schaie, 1977). Christiano dan Fong (1980) melihat tekanan sebagai keadaan yang boleh membawa kepada ketegangan, konflik dan keletihan. Antara aspek-aspek yang dimaksudkan yang boleh membawa tekanan ialah hal-hal yang berhubung dengan tugas rumahtangga iaitu dari segi pembahagian tugas rumahtangga iaitu dari segi pembahagian tugas dan tanggungjawab membuat keputusan.

Dalam konteks kajian ini, tekanan yang dimaksudkan ialah keadaan yang dihadapi oleh pasangan suami isteri yang bekerja dalam menyesuaikan pekerjaan mereka dengan kehidupan berumahtangga. Ini khususnya dihadapi oleh pihak isteri yang terpaksa menyeimbangkan tugasnya sebagai surirumah, ibu dan juga sebagai seorang pekerja yang berjaya. Tugas-tugas di tempat kerja dan di rumah jika tidak dapat diorganisasi sebaik mungkin, akan membawa keadaan-keadaan seperti keletihan, merasa tertekan, bosan, ketegangan dan berada di dalam keadaan konflik. Suami sekiranya tidak dapat menyesuaikan peranan di dalam rumahtangga, juga sedikit sebanyak akan merasa tertekan, mungkin disebabkan tidak biasa dengan kerja-kerja yang

bersifat keperempuanan ataupun tidak gemar melakukan kerja-kerja rumah.

Konflik juga boleh menjadi punca kepada tekanan. Konflik peranan menurut Schulz (1982) ialah jangkaan yang tidak selaras dengan peranan sosial. Contohnya suami mendefinisikan peranannya dalam bentuk yang bersifat tradisional iaitu bertanggungjawab dalam keluarga, sebagai pencari nafkah dan menjangkakan bahawa isteri akan menghargai peranannya dengan cara taat, patuh dan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai surirumah. Isteri pula merasakan suaminya harus bersifat terbuka dan dengan itu suaminya tidak melarang ia menceburkan diri di lapangan kerjaya. Konflik rol yang dirasai oleh pasangan dwi karier adalah disebabkan ujudnya konflik jangkaan tentang apakah peranan suami isteri. Seseorang individu akan merasa dirinya berhadapan dengan kehendak dan tuntutan yang tidak secucuk dan tidak dapat dipenuhi dengan sempurna serta realistik.

Definisi Kuasa

Kuasa mengikut pandangan yang diutarakan oleh Weber (1974), merupakan peluang seseorang pelaku mengarah individu lain supaya melakukan sesuatu mengikut kemahuannya. Pemegang kuasa mempunyai sumber tertentu untuk menyuruh orang lain membuat sesuatu dan sumber ini biasanya timbul dari hubungan sosial dan kedudukan individu dalam masyarakat atau kelompak. Kuasa dalam konteks kajian ini merujuk kepada kemampuan untuk membuat keputusan yang memberi kesan kepada kehidupan berumahtangga. Kemampuan untuk membuat keputusan dipengaruhi oleh norma-norma sosial dan budaya (Jerias, 1977).

Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada penulisan-penulisan masa lalu mengenai kehidupan berumahtangga di kalangan pasangan suami isteri yang bekerja, seringkali masalah yang dihadapi difokuskan kepada hal-hal yang berhubung dengan rumahtangga. Oleh itu beberapa andaian telah dibuat bagi menguji kejituhan kajian-kajian tersebut dan sebagai memenuhi juga tujuan kajian ini.

Berdasarkan kepada hasil kajian-kajian yang diperolehi oleh Blood dan Wolf (1960), Scanzoni (1978), Christiano dan Fong (1980) serta Fatimah (1983) yang mengatakan pembahagian tugas-tugas rumahtangga antara suami dan isteri adalah bersifat tradisional dan mengikut kategori jantina, maka hipotesis pertama yang dibina oleh pengkaji ialah corak agihan tenaga dalam tugas-tugas rumahtangga adalah masih bersifat tradisional dan mengikut kategori jantina.

Berasaskan kepada hasil kajian Berkowitz (1984), Burgess et al (1971), Hoffman (1974) dan Mohd Roslan Ali (1984) yang secara ringkasnya mendapati penglibatan suami dalam tugas-tugas domestik dan penjagaan anak adalah meningkat apabila isteri bekerja, maka dapat dihipotesiskan bahawa penglibatan suami dalam tugas-tugas rumah dan penjagaan adalah bertambah.

Erickson (1979), Lidsky (1979), Stellman dan Daum (1973) dan Strange (1981) menunjukkan bahawa tekanan dalam kehidupan berumahtangga dan konflik tekanan adalah lebih dirasai oleh isteri-isteri yang bekerja. Berdasarkan kepada penemuan itu, dihipotesiskan bahawa isteri dari pasangan dwi karier akan merasai lebih tertekan akibat dari bebanan yang dipertanggungjawabkan oleh pejabat dan rumahtangga.

Hipotesis terakhir sekali adalah berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Blood (1960), Christiano dan Fong (1980) dan Fatimah (1983). Kuasa dalam proses membuat keputusan dalam hal-hal yang berhubung dengan rumah tangga adalah dibuat oleh pihak isteri.

Bab ini telah memaparkan pendahuluan kepada wanita yang bekerja dalam konteks masa kini. Berikutnya diuraikan juga kenyataan permasalahan, tujuan kajian, skop kajian, kajian-kajian lepas, ulasan, definisi konsep dan hipotesis kajian. Huraihan ini adalah perlu sebagai asas untuk perbincangan hasil kajian selanjutnya.

Responden kajian merupakan sebilangan responden akademik dan kakitangan-kakitangan awam. Dalam hal responden akademik, kewajinya hanya terdiri dari kategori kakitangan awam, manakala kakitangan awam terdiri dari empat kategori pokok iaitu A, B, C dan D. Sebilangan responden adalah seorang dari keluarga-keluarga. Keadaan pengumpulan data telah mencangkupkan subjek subjek yang berbentuk golongan keluarga. Para responden Iaitu orang-orang sendiri dan orang-orang lainnya yang berada bersama. beberapa kartu kerusi,

Subjek dipilih walaupun terdiri dari 40 pasang rumah tetapi yang bukan subjek atau katagori pokok iaitu kategori A, B, C dan D. Untuk subjek katagori awam iaitu 10 pasang rumah tetapi. Pengambilan subjek walaupun subjek dari berbagai bahagian pentadbiran, faktor dan sebatian (Lihat lampiran 2 dan 3). Ketiga-tiga mencari jaya didapat, pengambilan subjek kajian adalah seperempat yang disusun sekiranya dalam jumlah 2,1

BAB II

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada cuti pertengahan sesi 1985/86. Kajian ini mengambil masa selama dua minggu untuk pengedaran dan pengambilan soal selidik dari responden. Responden kajian merupakan kakitangan-kakitangan akademik dan kakitangan-kakitangan am. Dalam bahagian kakitangan akademik, jawatannya hanya terdiri dari kategori A sahaja, manakala kakitangan am terdiri dari empat kategori pekerjaan, iaitu A, B, C dan D. Pemilihan responden adalah samarata dari keempat-empat kategori. Metod pengumpulan data ialah dengan mengedarkan soal selidik yang berbentuk self administered kepada responden iaitu mengisinya sendiri dan mengembalikannya semula kepada pengkaji beberapa hari kemudian.

Subjek Kajian

Subjek kajian adalah terdiri dari 40 pasang suami isteri yang bekerja mengikut empat kategori pekerjaan iaitu kategori A, B, C dan D. Setiap satu kategori mewakili 10 pasang suami isteri. Pengkaji telah mengambil subjek dari berbagai bahagian pentadbiran, fakulti dan jabatan (lihat lampiran C dan B). Daripada senarai yang didapati, pengambilan subjek kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.1 .

Jadual 2.1

Pengambilan Subjek Mengikut Kategori Pekerjaan

Jabatan/Fakulti	Kategori Pekerjaan			
	A	B	C	D
Pendaftar	2	2	3	1
Bendahari	1	2	1	-
Perpustakaan	2	-	2	4
Unit Pembangunan	3	4	-	1
Pusat Pendidikan	-	2	2	2
Pengajian Islam	-	-	2	-
Fakulti SKK	3	-	-	-
Fakulti Sains	2	-	-	-
Pusat Pengajian Siswazah	-	-	2	-
Pejabat Akademik	-	-	3	2
Perumahan Pelajar	-	2	-	3
Jumlah	13	12	14	15

Pada keseluruhannya, subjek yang diambil sebagai subjek kajian ialah seramai 52 pasang suami isteri. Pengambilan subjek kajian adalah melebihi dari jumlah subjek yang dipilih untuk kajian. Ini bermakna, dari 52 pasang yang diambil, hanya 40 pasang sahaja yang dipilih. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kesilapan yang dilakukan oleh para subjek seperti tidak mengembalikan soal selidik, atau soal selidik yang tidak lengkap diisi, hilang ataupun subjek bercuti untuk beberapa lama.

Kategori pekerjaan yang dipilih sebagai responden kajian ialah seperti dalam jadual 2.2 .

Jadual 2.2

Pemilihan Subjek Mengikut Kategori Pekerjaan

Kategori	Jenis Pekerjaan	Bilangan
A	Pensyarah	4
	Pegawai (tadbir, perhubungan awam, kewangan)	3
	Pendaftar (pendaftar kanan, bendahari kanan)	2
	Ketua Pustakawan	1
B	Pegawai Kerja	2
	Pengurus Kamsis	1
	Pembantu Tenik	2
	Pegawai Kira-kira	2
	Pelukis Grafik	3
C	Setiausaha	1
	Kerani	7
	Jurutrengkas	3
D	Penyemak Perpustakaan	3
	Kakitangan Percetakan	2
	Jurutaip	2
	Pekerja Rencam	2
	Pengawal Keselamatan	1

Pemilihan subjek adalah secara persampelan rambang mudah bertujuan (purposive simple random sampling), iaitu dengan mendapatkan data daripada Pejabat Pendaftar mengenai jumlah kakitangan am dan akademik dalam setiap kategori dan fakulti/jabatan di UKM. Setelah mendapatkan tersebut, pengkaji menggunakan rambang accidental bertujuan iaitu dengan menanyakan kakitangan am dan akademik di Fakulti/Jabatan yang berkenaan mengenai suami isteri yang bekerja dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak. Subjek yang dipilih juga bukanlah terdiri dari pasangan suami isteri yang sama-sama bekerja di UKM. Ia juga bukan terdiri dari pasangan suami isteri yang taraf pekerjaan atau kategori pekerjaannya sama. Pemilihan hanya berdasarkan kepada samaada salah seorang suami atau isteri menjawat jawatan mengikut kategori A hingga D seperti yang diterangkan di atas.

Alat Pengukuran

Alat pengukuran yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang dimodifikasi dari kajian-kajian lalu dan dicipta sendiri oleh pengkaji. Soal selidik yang diedarkan adalah berbentuk self administered, iaitu diisi sendiri oleh para subjek tanpa pengkaji ada bersama mereka untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Soal selidik ini terdiri dari soalan-soalan yang berbentuk tertutup (close ended) dan terbuka (open ended) dan mengandungi 6 bahagian, iaitu bahagian A,B,C,D,E dan F.

Bahagian A mengemukakan soalan-soalan tentang latarbelakang responden seperti tempat asal, umur, lama berkahwin dan bilangan anak.

Bahagian B terdiri dari latar belakang pekerjaan responden seperti taraf pelajaran, jenis pekerjaan, lama bekerja, jangkamasa bekerja, perasaan terhadap pekerjaan dan sebab utama bekerja.

Manakala bahagian C pula mengemukakan soalan tentang hubungan dengan keluarga seperti perasaan terhadap perkahwinan, pandangan suami terhadap isteri bekerja, masa untuk isteri mengurus rumah-tangga, melayan suami dan masa untuk anak-anak serta masalah keluarga yang sering dihadapi.

Bahagian D pula adalah berhubung dengan pengurusan rumah tangga yang terdiri dari soalan-soalan mengenai peranan suami isteri dalam mengurus kerja-kerja rumah dan sikap suami terhadap kerja-kerja rumah.

Bahagian E merupakan soalan yang berhubung dengan kesihatan isteri. Bahagian ini hanya dijawab oleh pihak isteri sahaja yang bertujuan untuk melihat samaada berlaku tekanan atau tidak di kalangan isteri yang bekerja hasil daripada interaksinya antara dunia pekerjaannya dengan tugasnya sebagai surirumah.

Akhir sekali, bahagian F yang mengemukakan soalan mengenai proses membuat keputusan. Dalam bahagian ini, soalan-soalan yang dikemukakan meliputi siapakah yang sering membuat keputusan dalam hal-hal rumah tangga dan siapakah yang lebih dominan dalam membuat sesuatu keputusan, hak isteri terhadap wang pendapatannya dan sikap suami terhadap isteri dalam hal-hal kepentingan isteri. Soal selidik yang diedarkan terdiri dari bahagian yang hanya dijawab oleh pihak suami sahaja dan terdapat bahagian yang hanya dijawab oleh pihak isteri sahaja. Terdapat juga soalan-soalan yang harus dijawab oleh kedua-dua pihak. Bagi setiap pasangan suami isteri, dua soal selidik yang sama telah diedarkan, satu bagi isteri dan

satu lagi untuk suami

Penganalisisan Data

Analise data yang digunakan untuk tujuan kajian ini ialah peratus Khi Kuasa dua, korelasi dan ujian t. Ujian Khi Kuasa dua digunakan untuk melihat samaada terdapat perbezaan yang signifikan antara pembahagian tugas-tugas rumah dengan jantina iaitu suami dan isteri.

Secara umumnya tugas-tugas rumah untuk hipotesis pertama akan mengambil kira kesemua aspek. Tugas-tugas dalam rumah tangga yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

- 1) Membeli barang-barang makanan/membelihbelah di pasar
- 2) Menyediakan makanan
- 3) Membasuh pinggan
- 4) Membasuh pakaian
- 5) Menggosok pakaian
- 6) Mengemas rumah
- 7) Membersih dan mengurus kawasan luar rumah
- 8) Membayar bil-bil (letrik, air, talipon)
- 9) Penjagaan kereta
- 10) Bermain dengan anak
- 11) Menukar lampin anak di waktu malam
- 12) Menyediakan susu anak di waktu malam
- 13) Menidurkan anak
- 14) Memberi anak makan
- 15) Membawa anak ke klinik/hospital bila anak sakit.

Dalam konteks ini, kriteria yang digunakan untuk melihat pembahagian tugas mengikut jantina adalah berdasarkan kekerapan melakukan tugas rumah iaitu selalu, kadang-kadang dan jarang sekali. Skor yang diberi pada selalu ialah 3, kadang-kadang 2 dan jarang sekali 1. Kriteria-kriteria ini akan dihubungkan dengan pemboleh-ubah suami dan isteri untuk melihat perbezaannya.

Sementara Pengkali Korelasi Pearson (r) digunakan untuk melihat samaada terdapat korelasi atau hubungan yang signifikan antara pembolehubah bebas iaitu tugas-tugas rumah dan pembolehubah terikat iaitu tekanan. Jenis-jenis tugas rumah yang dimaksudkan ialah tugas-tugas yang dilakukan setiap hari atau kerap dilakukan seperti membeli barang-barang makanan/membeli di pasar, menyediakan makanan, membasuh pinggan, membasuh pakaian, menggosak pakaian, mengemas rumah, menukar lampin anak si waktu malam, bermain dengan anak, menyediakan susu di waktu malam, menidurkan anak dan memberi anak makan. Tugas-tugas lain seperti membersih dan mengurus kawasan luar rumah, membayar bil-bil, penjagaan kereta-kereta dan membawa anak ke klinik apabila sakit tidak diambil kira dalam konteks ini memandangkan tugas ini bukan merupakan amalan harian atau selalu dilakukan.

Akhir sekali ujian t digunakan untuk melihat samaada terdapat hubungan yang signifikan dari segi kuasa dalam proses membuat keputusan bagi suami dan isteri.

Kuasa di dalam membuat keputusan yang dimaksudkan terdiri dari 7 item soalan iaitu:

- 1) Proses merancang atau telahpun membeli rumah
- 2) Membeli kereta
- 3) Membeli perabut rumah

- 4) Membeli barang keperluan sehari-hari
- 5) Perbelanjaan wang pendapatan
- 6) Pelajaran dan pakaian anak-anak
- 7) Merancang aktiviti sosial

Kebolehpercayaan Alat Pengukuran

Dalam menjalankan sesuatu kajian psikologi, alat pengukuran yang digunakan untuk memenuhi tujuan kajian tersebut haruslah mempunyai darjah kebolehpercayaan (*reliable*) dan mempunyai keesahan (*valid*). Kedua-dua kriteria ini merupakan fakta yang penting dalam menguji alat pengukuran yang telah dicipta sendiri, dimodifikasi atau yang telah dilakukan oleh orang-orang yang terdahulu dalam menjalankan sesuatu kajian. Sesuatu alat ukuran itu boleh jadi mempunyai kebolehpercayaan tanpa mempunyai keesahan. Dalam konteks ini, sesuatu alat ukuran adalah bergantung kepada kebolehpercayaan alat ukuran tersebut.

Sebelum membincarakan kebolehpercayaan alat pengukuran yang telah digunakan oleh pengkaji, terlebih dahulu perlu ditinjau apakah yang dimaksudkan dengan kebolehpercayaan. Mengikut Anastasi (1968), kebolehpercayaan adalah merujuk kepada dua keadaan. Pertama ialah ketekalan skor yang telah diperolehi oleh individu yang sama pada masa yang berbeza. Kedua, ia merupakan darjah ketepatan antara 2 set skor-skor yang tertarik secara bebas dan boleh dijelmakan dalam bentuk darjah korelasi. Sementara Standard for Educational and Psychological Tests and Manual (1966), menggariskan kebolehpercayaan kepada ketepatan, ketekalan dan kestabilan alat pengukuran yang digunakan. Menurut Brown (1976) Noll dan Scaunele (1972), kebolehpercayaan merupakan ketekalan

alat ujian mengenai apa sahaja yang diukur dan hubungan skor-skor yang terdapat dalam berbagai situasi pengujian individu yang sama atau oleh individu yang berbeza tetapi menggunakan alat pengukuran yang sama.

Oleh kecana pembentukan soalan-soalan terdiri dari berbagai kriteria atau jenis soalan yang berbeza bentuknya, maka pengkaji mengkategorikan soalan-soalan tersebut kepada kategori yang bersesuaian dengan soalan tersebut. Ini bermakna pengkaji mencipta beberapa kategori yang dapat mewakili soalan-soalan tersebut.

Soalan-soalan atau item-item adalah dikategorikan kepada 5 kategori iaitu kategori Sikap yang terdiri dari 5 soalan, kategori Pandangan yang terdiri dari 7 soalan, kategori Masa yang mengandungi 4 soalan, kategori Kerja terdiri dari 5 soalan dan kategori Anak yang mengandungi 3 soalan. Kesemua soalan-soalan atau item yang diklasifikasikan mengikut kategori adalah seperti berikut:

Jadual 2.3
Kebolehpercayaan Alat Ukuran

KATEGORI	NO. SOALAN	r_{oe}	(Berdasarkan Pengkali Korelasi Pearson)
Sikap	6(B)		0.0945
	7(B)		0.6553
	16(C)		0.7429
	1(D)		0.2675
	3(F)		0.4944
Pandangan	1(C)		0.3579
	3(C)		0.8038
	4(C)		0.8032
	6(C)	-0.7118	
	8(C)	0.2841	

Jadual 2.3 (sambungan)

KATEGORI	NO. SOALAN	r_{oe}	(Berdasarkan Pengkali Korelasi Pearson)
	9(C)		0.8293
	4(F)		0.8778
	10(C)		0.6429
	11(C)		0.7170
Masa	12(C)		-0.4222
	14(C)		0.6979
	2(D)		0.7750
	3(D)		0.7848
Kerja	4(D)		-0.5749
	7(D)		0.5663
	1(E)		0.7742
	13(C)		0.4074
Anak	15(C)		0.5653
	9(D)		0.7066

Daripada 24 soalan yang dikemukakan dalam 5 kategori, hanya 18 soalan sahaja yang boleh digunakan untuk menguji kebolehpercayaan alat pengukuran iaitu soal selidik yang telah dibina. 18 soalan yang diterima ini adalah berdasarkan kepada analisis 'Pengkali Kolerasi Pearson', yakni pada darjah korelasi; $r = 0.300$. Skor yang melebihi dari $r = 0.300$ adalah diterima sebagai boleh dipercayai (reliable) dan boleh diuji. Daripada jadual yang diperlihatkan di atas, soalan-soalan yang kurang daripada darjah kolerasi 0.300 ialah soalan 6(B), 1(D), 6(C), 8(C), 12(C) dan 4(D). Dengan ini soalan-soalan atau item-item ini tidak digunakan sebagai pembolehubah dalam kajian ini. Item-item atau soalan-soalan yang berhubung

dengan kenyataan tentang tugas rumah, tekanan dan proses membuat keputusan didapati mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Darjah kolerasi yang rendah bagi soalan-soalan atau item-item yang dikemukakan berkemungkinan besar tidak sesuai digunakan atau mungkin disebabkan kekaburan soalan-soalan yang dikemukakan sehingga menyukarkan subjek memahami kehendak soalan. Kemungkinan juga iaanya tidak boleh difahami oleh penfkali sendiri terhadap soalan-soalan yang telah dibina dan mungkin juga soalan-soalan tersebut tidak dapat mewakili kategori yang telah dibentuk oleh pengkaji.

Masalah Dalam Kajian

Kajian ini telah dijalankan semasa cuti semester pertama sesi 1985/86. Pengkaji telah mengambil masa selama dua minggu bagi mengedar soal selidik dan mengambilnya kembali dari responden. Semasa menjalankan kajian ini, di peringkat awal pengkaji mengalami masalah untuk mencari pasangan suami isteri yang sama-sama bekerja dan responden yang dikehendaki itu pula meliputi setiap kategori pekerjaan iaitu dari kategori A hingga D. Bagi kategori A dan C agak kurang sukar untuk dicari, tetapi agak sukar mencari responden dari kategori B dan D. Ini bukan bermakna kategori B dan D kurang, tetapi yang didapati hanya pihak suami sahaja bekerja, manakala pihak isteri tidak bekerja. Pengkaji terpaksa mencari dan meneliti dahulu bahawa responden tersebut mempunyai pasangan yang bekerja. Subjek wanita tidak sukar dicari, tetapi pengkaji sukar mencari subjek lelaki kerana harus memastikan dahulu samaada isterinya bekerja atau tidak.

Dalam mengemukakan soalan yang menanyakan samaada isteri responden bekerja atau tidak agak sukar kerana menyentuh peribadi

responden. Oleh itu, pengkaji terpaksa memperkenalkan diri dan menjelaskan kedudukan yang sebenar tentang tujuan kajian yang dijalankan.

Di samping menghadapi masalah mendapat responden yang terdiri dari responden yang sama-sama bekerja, pengkaji juga menghadapi masalah mendapatkan kembali soal selidik yang telah diedarkan. Terdapat responden-responden yang enggan mengisinya apabila membaca soalan-soalan yang dikemukakan. Menurut mereka, soalan-soalan yang ditanya agak peribadi dan mereka tidak mahu mengisinya kerana ingin menjaga hubungan mereka dengan pasangan mereka. Oleh itu, pengkaji terpaksa pula mencari responden lain yang dapat mengisinya. Ini menimbulkan masalah kerana memerlukan masa yang lebih lama lagi untuk mencari responden baru.

Pengkaji juga menghadapi masalah mendapatkan kembali soal selidik yang telah diedarkan. Ramai di kalangan responden yang sering terlupa untuk mengisi soal selidik yang telah diberikan atau tertinggal di rumah sehingga pengkaji terpaksa mengulangi tempat tersebut selama 4 atau 5 kali untuk mendapatkannya. Ini agak memalukan pengkaji kerana sering berulang ke tempat yang sama berkali-kali. Tidak kurang pula responden yang terlalu sibuk hingga tidak dapat mengisinya.

Semasa kajian ini dijalankan, tidak kurang juga responden yang telah menghilangkan soal selidik yang telah diberikan dan ramai juga responden yang mengambil cuti untuk beberapa lama kerana menghabiskan cuti di hujung tahun. Keadaan ini menyebabkan pengkaji mengedarkan soal selidik yang lain kepada responden baru. Semasa menjalankan kajian ini, tidak kurang juga kata-kata ejekan diberikan kerana melibatkan hal-hal peribadi yang agak sensitif mengenai hubungan suami isteri dalam rumah tangga. Pengkaji

terpaksa menghadapinya dengan perasaan sabar dan tabah. Walau-bagaimanapun, ramai responden yang telah memberikan kerjasama yang menggalakkan dan mendapat kerjasama yang baik. Segala kerjasama yang diberikan oleh mereka hanya Allah sahaja yang membalaunya. Pengkaji mengucapkan ribuan terimakasih kepada para responden yang telah sudi meluangkan masa mereka mengisi soal selidik bagi memenuhi tujuan kajian ini. Tanpa kerjasama yang diberikan, sudah pasti kajian ini tidak berjaya dengan baiknya.

Bab ini telah membincangkan rekabentuk kajian, subjek kajian, alat pengukuran iaitu soal selidik dan penganalisisan data iaitu peratus, Khi Kuasadua, korelasi dan ujian t. Kebolehpercayaan alat pengukuran dengan menggunakan analisis Pekali Korelasi Pearson juga telah dihuraikan mengenai penerimaan dan perolehan soalan-soalan yang dibentuk.

JADUAL 1.1
Soal Selidik dan Skoran dan Response

No	Soal Selidik	Skoran	Response	Jumlah	
				Positif	Negatif
1	1.1	1	1	1	0
2	1.2	1	1	1	0
3	1.3	1	1	1	0
4	1.4	1	1	1	0
5	1.5	1	1	1	0
6	1.6	1	1	1	0
7	1.7	1	1	1	0
8	1.8	1	1	1	0
9	1.9	1	1	1	0
10	1.10	1	1	1	0
11	1.11	1	1	1	0
12	1.12	1	1	1	0
13	1.13	1	1	1	0
14	1.14	1	1	1	0
15	1.15	1	1	1	0
16	1.16	1	1	1	0
17	1.17	1	1	1	0
18	1.18	1	1	1	0
19	1.19	1	1	1	0
20	1.20	1	1	1	0
21	1.21	1	1	1	0
22	1.22	1	1	1	0
23	1.23	1	1	1	0
24	1.24	1	1	1	0
25	1.25	1	1	1	0
26	1.26	1	1	1	0
27	1.27	1	1	1	0
28	1.28	1	1	1	0
29	1.29	1	1	1	0
30	1.30	1	1	1	0
31	1.31	1	1	1	0
32	1.32	1	1	1	0
33	1.33	1	1	1	0
34	1.34	1	1	1	0
35	1.35	1	1	1	0
36	1.36	1	1	1	0
37	1.37	1	1	1	0
38	1.38	1	1	1	0
39	1.39	1	1	1	0
40	1.40	1	1	1	0
41	1.41	1	1	1	0
42	1.42	1	1	1	0
43	1.43	1	1	1	0
44	1.44	1	1	1	0
45	1.45	1	1	1	0
46	1.46	1	1	1	0
47	1.47	1	1	1	0
48	1.48	1	1	1	0
49	1.49	1	1	1	0
50	1.50	1	1	1	0
51	1.51	1	1	1	0
52	1.52	1	1	1	0
53	1.53	1	1	1	0
54	1.54	1	1	1	0
55	1.55	1	1	1	0
56	1.56	1	1	1	0
57	1.57	1	1	1	0
58	1.58	1	1	1	0
59	1.59	1	1	1	0
60	1.60	1	1	1	0
61	1.61	1	1	1	0
62	1.62	1	1	1	0
63	1.63	1	1	1	0
64	1.64	1	1	1	0
65	1.65	1	1	1	0
66	1.66	1	1	1	0
67	1.67	1	1	1	0
68	1.68	1	1	1	0
69	1.69	1	1	1	0
70	1.70	1	1	1	0
71	1.71	1	1	1	0
72	1.72	1	1	1	0
73	1.73	1	1	1	0
74	1.74	1	1	1	0
75	1.75	1	1	1	0
76	1.76	1	1	1	0
77	1.77	1	1	1	0
78	1.78	1	1	1	0
79	1.79	1	1	1	0
80	1.80	1	1	1	0
81	1.81	1	1	1	0
82	1.82	1	1	1	0
83	1.83	1	1	1	0
84	1.84	1	1	1	0
85	1.85	1	1	1	0
86	1.86	1	1	1	0
87	1.87	1	1	1	0
88	1.88	1	1	1	0
89	1.89	1	1	1	0
90	1.90	1	1	1	0
91	1.91	1	1	1	0
92	1.92	1	1	1	0
93	1.93	1	1	1	0
94	1.94	1	1	1	0
95	1.95	1	1	1	0
96	1.96	1	1	1	0
97	1.97	1	1	1	0
98	1.98	1	1	1	0
99	1.99	1	1	1	0
100	1.100	1	1	1	0

BAB III

KEPUTUSAN

Bab ini akan menghuraikan hasil kajian yang diperolehi dengan membuat gambaran secara umum mengenai latarbelakang responden dari segi bilangan anak, bentuk penjagaan anak, sebab utama bekerja bagi pasangan suami isteri, kebahagiaan di dalam rumah-tangga, perspektif suami terhadap isteri yang bekerja, masalah utama yang dihadapi dan lain-lain persoalan yang berhubungan. Pembicaraan juga akan mencakupi hasil keputusan yang diperolehi dengan pengujian kepada hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk. Gambaran secara umum ini akan diperlihatkan dalam bentuk peratus, manakala pengujian hipotesis-hipotesis pula akan menggunakan ujian statistik Khi Kuasadua, Pekali Korelasi Pearson (r) dan ujian t .

Jadual 3.1 menunjukkan peratus responden yang mempunyai anak berumur kurang dari setahun hingga ke umur 11 tahun. Keseluruhan-nya menunjukkan bahawa kebanyakannya mereka mempunyai anak berumur sekitar 0 hingga 5 tahun, yakni sebanyak 77%.

Jadual 3.1

Umur dan Bilangan Anak Responden

Umur Anak	Bilangan Anak	Peratus
0 hingga 1 tahun	11	27.5%
2 hingga 3 tahun	12	30%

Jadual 3.1 (sambungan)

Umur dan Bilangan Anak Responden

Umur Anak	Bilangan Anak	Peratus
4 hingga 5 tahun	8	20%
6 hingga 7 tahun	3	7.5%
8 hingga 9 tahun	2	5%
10 hingga 11 tahun	4	10%

Kanak-kanak di peringkat umur ini digolongkan kepada kanak-kanak pra sekolah. Kanak-kanak ini juga memerlukan penjagaan yang rapi samada berbentuk formal seperti institusi penjagaan anak atau penjagaan yang berbentuk tidak formal seperti pembantu rumah, ibu atau mertua ataupun ditinggalkan kepada saudara mara atau jiran apabila mereka pergi kerja. Jadual 3.2 menunjukkan bentuk penjagaan anak bagi responden.

Jadual 3.2


Bentuk Penjagaan Anak Responden

Bentuk Penjagaan	Bilangan	Peratus
Nurseri	8	20%
Pembantu Rumah	16	40%
Ibu/Mertua	6	15%
Saudara mara/Jiran	10	25%

Secara keseluruhannya, penjagaan anak yang berbentuk formal seperti pusat harian penjagaan anak ataupun nurseri dalam konteks


kajian ini masih kurang dipraktikkan oleh pasangan dwi karier dan ini digambarkan sebanyak 20% sahaja berbending dengan bentuk penjagaan bukan formal.

Rajah 3.1 dan 3.2 menggambarkan sebab utama mengapa pasangan dwi karier bekerja. Menuruk pada rajah ini, didapati bahawa sebab utama bekerja bagi pasangan ini adalah berbeza. Peratus suami dari pasangan dwi karier yang bekerja atas alasan menyara kehidupan keluarga adalah sebanyak 70%. Sementara itu, bagi pihak isteri, sebanyak 40% mengatakan mereka bekerja untuk menambah pendapatan dan taraf hidup keluarga. Sebab-sebab lain yang mempengaruhi mereka bekerja dapat dilihat dalam rajah 3.1 dan 3.2.



Rajah 3.1 . Sebab-sebab Suami Bekerja

- Kunci:
- Menyara kehidupan keluarga
 - Jaminan keselamatan masa depan
 - Memenuhi kepuasan diri



Rajah 3.2 . Sebab-sebab Isteri Bekerja

Kunci:

- Menyara kehidupan keluarga
- Jaminan keselamatan masa depan
- Menambah pendapatan dan taraf hidup keluarga
- Ikatan perjanjian biasiswa
- Minat
- Menghilangkan kebosanan
- Memenuhi kepuasan diri

Menyentuh tentang kebahagiaan rumah tangga dikalangan pasangan dwi karier, terdapat sebanyak 87.5% dari subjek menyatakan bahawa perkahwinan mereka adalah bahagia, manakala hanya 12.5% sahaja yang mengatakan bahawa perkahwinan mereka kadang-kadang bahagia dan kadang-kadang tidak. Antara sebab-sebab yang diberikan oleh

mereka yang bahagia dalam perkahwinan ialah saling faham memahami dan bertolak ansur di antara satu sama lain. Di samping itu, sikap kerjasama dan tidak berlakunya selisih faham dapat melahirkan keluarga yang harmoni. Penyesuaian dari segi memahami tugas masing-masing juga merupakan antara alasan mengapa rumah tangga hingga ke masa kini dirasakan bahagia. Manakala bagi mereka yang menyatakan kadang-kadang bahagia dan kadang-kadang tidak adalah disebabkan ujudnya perbezaan pandangan hidup, masalah kekeluargaan, ketidaksesuaian personaliti pasangan dan sikap pasangan mereka.

Perspektif suami terhadap isteri yang bekerja juga adalah penting di dalam menentukan kebahagiaan dalam kehidupan berumah-tangga. Dari hasil kajian, 60% dari responden suami bersetuju dengan penglibatan isteri mereka di bidang pekerjaan. Manakala 35% pula kurang setuju dan 5% tidak setuju langsung. Dalam konteks perspektif suami terhadap isteri yang bekerja juga didapati sebanyak 55% daripada responden suami pernah menyarankan isteri berhenti kerja. Sementara itu, 45% dari mereka pula tidak pernah memberi saranan supaya isteri berhenti kerja. Antara alasan-alasan yang diberikan bagi kedua-dua fenomena di atas, yakni pernah dan tidak pernah beri saranan berhenti kerja dapat dilihat dalam jadual 3.3 .

Persoalan mengenai pernahkah timbul perselisihan faham antara suami dan isteri mengenai pekerjaan isteri, hasil kajian memperlihatkan bahawa sebanyak 70% daripada responden suami menyatakan mereka tidak pernah berselisih faham atas isu pekerjaan isteri. Manakala 30% pula menyebut mereka pernah berselisih faham atas isu tersebut.

Jadual 3.3


Pandangan dan Alasan Suami Terhadap Isteri Bekerja

Pandangan	Alasan	Peratus
Pernah beri saranan berhenti kerja	1. Untuk memberi didikan yang sempurna pada anak-anak serta dapat mengurus rumah tangga dengan lebih baik	55%
	2. Kasih sayang dapat dieratkan dengan lebih intim antara ahli-ahli keluarga sekiranya isteri tidak bekerja	18.5%
	3. Kesukaran mendapatkan penjaga anak ketika pergi kerja	11.5%
	4. Isteri seharusnya tinggal di rumah supaya dapat beri tumpuan sepenuhnya sebagai suri rumah yang bertanggungjawab	10%
	5. Jauh tempat kerja	5%
Tidak pernah beri saranan berhenti kerja	1. Pendapatan isteri penting sebagai pembantu ekonomi rumah tangga	47.5%
	2. Perlu beri hak kebebasan kepada isteri di samping menegakkan ekonominya sendiri tanpa bantuan dari mana-mana pihak	35%

Jadual 3.3 (sambungan)



Pandangan	Alasan	Peratus
Tidak pernah beri saranan berhenti kerja	3. Tenaga, kebolehan dan keintelektualan yang ada pada seseorang wanita penting sebagai penyumbang kepada pembangunan negara	17.5%
Dari segi kesan isteri bekerja terhadap didikan anak-anak, didapati suami berpendapat bahawa isteri masih dapat memberi didikan yang sempurna kepada anak-anak mereka. Ini dapat dilihat dari peratus responden suami yang berpendapat sedemikian iaitu sebanyak 87.5%, manakala hanya 12.5% sahaja yang berpendapat isteri kurang dapat memberi didikan yang sempurna pada anak-anak.		

Masalah utama yang dihadapi oleh pasangan dwi karier adalah dalam hal mengendalikan tugas-tugas domestik. Bagi pihak isteri, sebanyak 45% daripada responden menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah dalam menguruskan hal-hal rumah tangga. Bagi pihak suami juga meletakkan tugas-tugas domestik sebagai masalah mereka yang utama iaitu sebanyak 27.5%. Masalah ini merupakan masalah yang paling tinggi peratusannya jika dibandingkan dengan lain-lain masalah yang dihadapi oleh pasangan dwi karier. Rajah 3.3 memperlihatkan taburan peratus bagi masalah yang sering dihadapi itu.



Rajah 3.3. Masalah Yang Sering Dihadapi Oleh Pasangan Dwi Karier

Kunci :



* Tiada masalah, personaliti dan karektor pasangan.

Keputusan Hipotesis 1

Dalamuraian ini, ujian Khi Kuasadua telah digunakan bagi menguji hipotesis pertama yang mengatakan pembahagian tenaga dalam tugas-tugas rumah (domestik) adalah mengikut jantina. Dari analisis yang diperolehi, didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara melakukan tugas-tugas rumah dengan jantina kecuali dalam dua tugas, yakni membeli barang makanan/ membeli di pasar dan bermain dengan anak. Kedua-dua tugas ini didapati tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada aras $k < .05$. Jadual 3.4 menunjukkan hasil keputusan yang diperolehi dengan menggunakan ujian Khi Kuasadua. Secara keseluruhan, hasil keputusan yang didapati telah menyokong hipotesis pertama.

Jadual 3.4

Kekerapan Melakukan Tugas-tugas Rumah Bagi Pasangan Suami Isteri

Tugas-tugas rumah	Kekerapan				Nilai χ^2
	Selalu	Kadang-kadang	Jarang sekali		
Membeli barang makanan/membeli di pasar	Suami 25	14	1		3.61
	Isteri 14	15	11		
Menyediakan makanan	Suami 3	17	20		48.32*
	Isteri 34	3	3		
Membasuh pakaian	Suami 5	11	24		16.32*
	Isteri 25	12	3		
Membasuh pinggan	Suami 3	8	29		35.48*
	Isteri 23	13	4		

Nota: * $k < .05$

Jadual 3.4 (sambungan)

Tugas-tugas rumah		Kekerapan			Nilai χ^2
		Selalu	Kadang-kadang	Jarang sekali	
Menggosok pakaian	Suami	2	16	22	23.98*
	Isteri	20	14	6	
Mengemas rumah	Suami	4	16	20	28.32*
	Isteri	25	12	3	
Membersih kawasan luar rumah	Suami	18	16	6	9.22*
	Isteri	6	21	13	
Membayar bil-bil	Suami	31	7	2	9.22*
	Isteri	18	19	3	
Penjagaan kereta	Suami	33	6	1	55.44*
	Isteri	1	14	25	
Bermain dengan anak	Suami	18	18	4	0.9
	Isteri	14	22	4	
Menukar lampin anak di waktu malam	Suami	7	19	9	16.8*
	Isteri	24	8	3	
Menyediakan susu di waktu malam	Suami	6	15	14	30.58*
	Isteri	29	2	4	
Menidurkan anak	Suami	7	15	13	7.4*
	Isteri	21	11	3	
Memberi makan anak	Suami	.5	18	13	17.74*
	Isteri	22	10	4	
Membawa anak ke klinik bila sakit	Suami	22	17	1	10.3*
	Isteri	12	18	10	

Nota: * $k < .05$

dk = 2

Dua tugas yang tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pembahagian tenaga dalam tugas-tugas domestik mengikut jantina ini adalah bermakna bahawa kedua-dua tugas ini dilakukan secara bersama oleh pasangan suami isteri. Hubungan yang signifikan bagi tugas-tugas luaran atau yang sering dilakukan oleh suami ialah dalam hal penjagaan kereta, membayar bil-bil (elektrik, air dan talipon), membersih kawasan luar rumah dan membawa anak ke klinik apabila sakit. Manakala tugas-tugas domestik yang bersifat dalaman yang tinggi nilai Khi Kuasadua ialah dalam hal menyediakan makanan, membasuh pakaian, membasuh pinggan, menggosok pakaian, mengemas rumah, menukar lampin anak di waktu malam, menyediakan susu di waktu malam dan memberi makan anak. Secara keseluruhannya, tugas-tugas domestik adalah dilakukan oleh isteri.

Keputusan Hipotesis 2

Berkait dengan hipotesis pertama, hipotesis keduanya ialah penglibatan isteri di bidang pekerjaan akan menyebabkan suami turut terlibat dalam melakukan tugas-tugas domestik. Analisis Khi Kuasadua menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kadar penglibatan suami dalam tugas-tugas domestik, melainkan tugas membeli barang makanan/ membeli di pasar . Jadual 3.5 menunjukkan taburan peratus penglibatan suami dalam tugas-tugas domestik. Perlu diingatkan bahawa tugas-tugas seperti membayar bil-bil, penjagaan kereta, membersih kawasan luar rumah dan membawa anak ke klinik apabila sakit tidak diambil kira kerana ia bukanlah merupakan rutin sehari-hari atau yang selalu dilakukan.

Hasil keputusan rata-ratanya menunjukkan paras penglibatan suami secara berseorangan adalah masih rendah. Bagaimanapun, jika

dilihat pada pengendalian secara bersama, beberapa tugas didapati tinggi responnya. Ini dapat dilihat dalam hal bermain dengan anak (71.25%), menukar lampin anak di waktu malam (45.7%), menidurkan anak (41.7%) dan memberi makan anak (36.1%), berbanding dengan peratus melakukannya secara bersama dalam hal menyediakan makanan (6.25%), membasuh pinggan (18.75%), membasuh pakaian (16.25%) dan menggosok pakaian (21.25%).

Secara keseluruhannya, paras penglibatan suami dalam tugas-tugas domestik masih di tahap yang rendah dan isteri masih melakukan tugas-tugas tersebut. Paling-paling, penglibatan suami hanya dalam bentuk perkongsian peranan seperti menukar lampin anak di waktu malam, menidurkan anak dan memberi makan anak serta tinggi paras penglibatannya dalam hal bermain dengan anak.

Jadual 3.5

Peratus Penyertaan Suami Isteri

Tugas-tugas domestik	Suami	Isteri	Bersama	Pembantu rumah	dk	Nilai χ^2
Membeli barang makanan/membeli di pasar	37.5% (30)	26.25% (21)	36.25% (29)	-	2	1.7
Menyediakan makanan	5% (4)	75% (60)	6.25% (5)	13.75% (11)	3	108.1*
Membasuh pakaian	7.5% (4)	55% (39)	16.25% (15)	18.75% (22)	3	42.3*
Membasuh pinggan	5% (4)	48.75% (39)	18.75% (15)	27.5% (22)	3	32.3*

Nota : * $k < .05$

Jadual 3.5 (sambungan)

Tugas-tugas domestik	Suami	Isteri	Bersama	Pembantu rumah	dk	Nilai χ^2
Menggosok pakaian	17.25% (9)	47.5% (38)	21.25% (17)	17.5% (14)	3	24.5*
Mengemas rumah	8.75% (7)	36.25% (29)	30% (24)	25% (20)	3	13.3*
Bermain dengan anak	18.75% (15)	6.25% (5)	71.25% (57)	3.75% (3)	3	99.5*
Menukar lampin anak di waktu malam	17% (12)	32.5% (26)	45.7% (32)	0	2	9.02*
Menyediakan susu di waktu malam	14% (10)	52.85% (37)	32.85% (23)	0	2	8.52*
Menidurkan anak	17.9% (13)	40.4% (29)	41.6% (30)	0	2	8.52*
Memberi makan anak	9.7% -	41.6% -	36.1% -	12.5% -	3	16.04*

Nota: * $\chi^2 < .05$

Keputusan Hipotesis 3

Hipotesis ketiga yang dibina oleh pengkaji ialah ujudnya tekanan di kalangan isteri yang bekerja akibat dari tugas-tugas rumah yang harus dilaksanakan dalam keadaan masa dan tenaga yang terhad. Keputusan yang didapati dari ujian Pekali Korelasi Pearson (r) menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi yang

signifikan antara tekanan dan tugas-tugas domestik (r_s) (.38) = .08, $\chi^2 > .05$) Oleh itu, hipotesis ketiga telah ditolak.

Masalah-masalah kesihatan di kalangan isteri yang bekerja dapat dilihat dari keadaan-keadaan yang biasa berlaku di dalam kehidupan. Bagi menggambarkan keadaan ini, peratusan juga digunakan bagi setiap kriteria tekanan yang ditanya kepada isteri, yakni adakah mereka mengalami gangguan kesihatan dalam kehidupan seharian. Hasilnya menunjukkan bahawa mereka sering merasa letih, merasa sakit-sakit atau sengal-sengal di badan dan emosi yang terganggu. Ini dapat dilihat dari jadual 3.6 di mana gangguan-gangguan kesihatan yang disebutkan di atas mempunyai peratus yang tinggi jika dibandingkan dengan kriteria-kriteria lain.

Jadual 3.6

Peratus Gangguan Kesihatan Isteri dan Nilai Khi Kuasadua

Gangguan Kesihatan	Ya	Tidak	Nilai	χ^2
1 Gangguan semasa tidur	55%	45%	0.4	
2 Sering merasa letih	70%	30%	6.4*	
3 Sesak pernafasan	15%	85%	10.6*	
4 Degupan jantung yang kuat	20%	80%	14.4*	
5 Sering mengidap sakit kepala	55%	45%	0.4	
6 Merasa sakit/sengal di badan	75%	35%	10*	
7 Tapak tangan yang sentiasa berpeluh	10%	90%	25.6*	
8 Rasa resah gelisah	25%	75%	10*	
9 Sering rasa nak marah	60%	40%	1.6	
10 Emosi yang terganggu	62.5%	37.5%	2.45	
11 Bosan dengan kerja pejabat ian rumah	57.5%	42.5%	0.9	

Nota: * $\chi^2 < .05$

dk = 1

Sementara itu, nilai Khi Kuasadua digunakan untuk melihat secara signifikan samada isteri mengalami gangguan kesihatan atau tidak dalam kehidupan seharian. Analisis menunjukkan bahawa isteri mengalami keletihan dan sengal-sengal atau sakit di badan tetapi tidak pula merasai emosi yang terganggu.

Dari segi sikap terhadap kerja rumah, 75% daripada responden isteri berpendapat kerja-kerja rumah yang dilakukan setiap hari itu adalah tidak membosankan dan hanya 25% sahaja yang merasai sebagai bosan. Walaubagaimanapun, dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, ianya sering pula memberi keletihan kepada mereka iaitu sebanyak 70% dan analisis Khi Kuasadua juga menunjukkan secara signifikan yang mereka merasa letih. Situasi ini juga dapat dihubungkan dengan persoalan apakah mereka ingin mempunyai satu masa yang tenteram untuk berehat dan mengisi. hobi mereka tanpa ada gangguan dari tugas-tugas rumah dan anak-anak. Hasil kajian menunjukkan bahawa 59.5% dari responden ingin mempunyai masa sepertimana yang dinyatakan.

Dari segi kecukupan masa untuk melaksanakan tugas-tugas rumah, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara responden yang mengalami masalah dari segi masa yang cukup dengan mereka yang tidak, $\chi^2 (1) = 0.4, \underline{k} > .05$

Dari segi pendapat isteri mengenai masalah dalam mengimbangkan peranan sebagai pekerja dan suri rumah, ujian Khi Kuasadua telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam melihat pendapat responden, $\chi^2 (1) = 2.6, \underline{k} > .05$. Analisis ini memperlihatkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden isteri yang menghadapi masalah dengan responden yang tidak menghadapi masalah dalam mengimbangkan

peranan sebagai suri rumah dan pekerja.

Keputusan Hipotesis 4

Hipotesis keempat yang berbunyi kuasa dalam proses membuat keputusan dalam hal-hal yang berhubung dengan rumah tangga adalah dibuat oleh pihak isteri telah tidak disokong. Analisis ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam hal siapa yang lebih berkuasa membuat keputusan berhubung dengan hal rumah tangga, $t(12) = 0.29 \quad k > .05$. Meskipun min bagi suami dalam proses membuat keputusan dalam isteri tinggi (21.24) daripada nilai min isteri (17.57), tetapi perbezaan antara suami isteri dalam proses membuat keputusan mengenai rumah tangga adalah tidak signifikan. Jadual 3.7 menunjukkan proses membuat keputusan dalam hal-hal rumah tangga bagi suami isteri. Tidak terdapatnya perbezaan ini menunjukkan bahawa proses membuat keputusan adalah dibuat secara bersama.

Jadual 3.7

Ringkasan ujian t bagi Proses Membuat Keputusan

Pembolehubah	N	Min	+R.P.	dk	t
Suami	40	21.14	12.51	78	0.29
Isteri	40	17.57			

⁺R.P. = Ralat Piaawai

Dalam taburan hal mengenai membuat keputusan yang menggunakan peratus seperti di jadual 3.8, didapati suami dan isteri melakukannya secara bersama.

Jadual 3.8

Peratus Proses Membuat Keputusan Bagi Suami Isteri

Keputusan	Suami	Isteri	Bersama
1 Merancang atau membeli rumah	30% (24)	22.5% (18)	45% (38)
2 Merancang atau membeli kereta	42.5% (34)	8.75% (7)	48.75% (39)
3 Membeli barang keperluan	22.5% (18)	16.25% (13)	61.25% (49)
4 Membeli perabut rumah	15% (12)	27.5% (22)	57.5% (46)
5 Pelajaran dan pakaian anak-anak	16.25% (13)	38.75% (31)	45% (36)
6 Perbelanjaan wang pendapatan	22.5% (18)	15% (12)	62.5% (50)
7 Merancang aktiviti rekreasi	36.25% (29)	25% (20)	38.75% (31)

Dalam membuat keputusan berhubung dengan rumah tangga dan keluarga, ujian Khi Kuasadua telah digunakan untuk mengetahui samada ujud atau tidak perbezaan dalam pandangan membuat keputusan bagi suami isteri. Ujian Khi Kuasadua menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan yang signifikan dari segi pandangan terhadap membuat keputusan, $\chi^2 (1) = 31.3$, $\underline{k} < .05$.

Ujian ini menunjukkan bahawa responden meletakkan suami sebagai lebih berkuasa di dalam membuat penentuan keputusan. Ini diperkuahkan lagi dengan pendapat responden yang mengatakan bahawa suami lebih dominan di dalam menentukan keputusan mengenai hal rumah tangga dari segi peratusnya iaitu sebanyak 80%, berbanding dengan 20%.

Sehubungan dengan perkara di atas, persoalan yang mengemukakan adakah pihak isteri meminta izin atau memberitahu suami sekiranya mereka mahu menggunakan wang pendapatan mereka sendiri, hasil kajian memperlihatkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapat mereka yang berhalu menggunakan wang tersebut iaitu wang pendapatan mereka sendiri tanpa pengetahuan suami, χ^2 , (1) = 0.4, $k > .05$

Kesimpulan Bab III

Bab ini telah menghuraikan gambaran secara umum mengenai latarbelakang responden seperti bilangan anak, bentuk penjagaan anak, sebab utama bekerja, perspektif suami terhadap isteri yang bekerja dan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pasangan dwi karier. Di samping itu, bab ini juga telah memerihalkan keputusan yang diperolehi daripada analisis hipotesis yang telah dibuat iaitu empat hipotesis dengan menggunakan statistik inferensi dan deskriptif. Analisis keputusan dalam hipotesis ini juga disertakan dengan peratusan bagi kenyataan-kenyataan soalan yang dikemukakan. Keputusan-keputusan yang diperolehi ini akan dibawa ke bab yang berikutnya bagi membuat perbincangan dan perihalan hasil kajian yang didapati

BAB IV

PERBINCANGAN DAN PENUTUP

Bab ini akan memerihalkan huraian dan perbincangan hasil kajian secara umum mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pasangan dwi karier. Huraian umum ini termasuklah bentuk penjagaan anak, sebab-sebab bagi suami dan isteri bekerja dan perspektif suami terhadap penglibatan isterinya di bidang pekerjaan. Perbincangan secara mendalam akan mencakupi hasil kajian yang membuat pengujian terhadap hipotesis-hipotesis yang telah dibina.

Dari hasil kajian yang diperolehi, kebanyakan responden mempraktikkan bentuk penjagaan yang tidak formal dengan meninggalkan anak-anak mereka kepada pembantu rumah atau ibu/mertua ataupun saudara mara/jiran apabila mereka pergi kerja. Manakala bentuk yang formal iaitu nurseri kurang digunakan sebagai alternatif untuk menjaga anak-anak mereka. Kemungkinan ujudnya keadaan ini ialah kerana bentuk penjagaan yang formal ini memerlukan biaya yang tinggi dan mungkin juga disebabkan ianya jauh dari rumah atau tempat kerja. Ini sudah tentu memerlukan masa yang lebih bagi responden untuk menghantar dan mengambil anak mereka semasa pergi dan pulang dari kerja. Kurangnya bentuk penjagaan formal ini mungkin juga kerana ianya masih berada di tahap awal dan belum dipraktikkan secara meluas dalam konteks masyarakat kita masa kini. Terdapat juga responden yang menghadapi masalah untuk menempatkan anak-anak mereka kepada orang yang boleh menjaga anak-anak mereka dengan

lebih sempurna.

Bentuk penjagaan ini adalah penting kepada perkembangan diri kanak-kanak. Corak sosialisasi di mana kanak-kanak itu berada juga harus dipertimbangkan oleh ibu bapa kerana ia sedikit sebanyak akan mempengaruhi pembentukan personaliti kanak-kanak secara tidak langsung. Justru itu, suami isteri yang bekerja haruslah mengambil pertimbangan yang wajar terhadap bentuk penjagaan anak-anak mereka, khususnya bagi kanak-kanak yang berada di peringkat pra sekolah kerana di peringkat inilah berlakunya perkembangan diri kanak-kanak dengan agak pesat akibat dari interaksi mereka dengan persekitaran.

Kajian ini juga telah menyentuh mengenai sebab-sebab utama suami dan isteri bekerja. Faktor menyara kehidupan keluarga bagi suami dan faktor menambah pendapatan dan taraf hidup keluarga bagi isteri merupakan sebab utama bagi pasangan suami dan isteri yang bekerja (Rajah 3.1 dan 3.2). Secara keseluruhannya, responden suami hanya memenuhi tiga faktor, iaitu menyara kehidupan keluarga, jaminan keselamatan masa depan dan memenuhi kepuasan diri. Manakala bagi pihak isteri terdiri daripada tujuh faktor iaitu untuk menyara kehidupan keluarga, jaminan keselamatan masa depan, untuk menambah pendapatan dan taraf hidup keluarga, ikatan perjanjian biasiswa, minat, menghilangkan kebosanan dan memenuhi kepuasan diri.

Memanglah tidak dapat dinafikan suami yang merupakan tunggak atau ketua keluarga bekerja untuk menyara kehidupan keluarga. Bagi pihak isteri, meskipun mereka sama-sama melibatkan diri dalam pekerjaan, namun dari segi peratusan sebab utama mereka bekerja adalah

untuk menambah pendapatan dan taraf hidup keluarga. Fenomena ini dapat diperkuatkan lagi dengan melihat sebab wanita menceburkan diri di bidang pekerjaan. Menurut Fatimah Abdullah (1983), antara faktor-faktor yang membawa kepada penglibatan wanita di bidang pekerjaan ialah faktor ekonomi, perubahan sosial dan perubahan struktur norma dalam masyarakat. Faktor yang tidak kurang pentingnya ialah faktor-faktor psikologi seperti kebosanan tinggal di rumah, keinginan mengembangkan potensi diri serta perubahan masa dan keadaan. Justru itulah dapat dilihat dari hasil kajian sebab-sebab bekerja bagi isteri adalah lebih berbagai jika dibandingkan dengan pihak suami.

Dilihat dari sudut perspektif suami terhadap isterinya yang bekerja, didapati rata-ratanya suami bersetuju dengan penglibatan isteri di bidang pekerjaan. Meskipun dari satu segi suami pernah memberi saranan supaya berhenti kerja, namun ini tidaklah menimbulkan permasalahan yang besar atau hal yang boleh membawa selisih faham antara suami dan isteri (digambarkan sebanyak 70% yang tidak mengalami selisih faham). Secara keseluruhannya, ilustrasi yang dipaparkan dalam bab keputusan memperlihatkan suami mempunyai pandangan yang positif terhadap penglibatan isterinya dalam bidang pekerjaan. Hasil kajian yang diperolehi ini didapati bertentangan dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Burke dan Weir (1976) sepetimana yang telah diuraikan dalam bab pertama.

Dalam zaman yang serba moden ini, mempunyai isteri yang bekerja boleh memberi beberapa keuntungan dalam kehidupan berumah-tangga. Dalam hal ini dapat dikatakan bahawa suami mahukan atau memberi keizinan isteri bekerja kerana sedikit sebanyak dapat mengurangkan tanggungjawab dalam ekonomi rumah tangga di samping

dapat meninggikan lagi status kehidupan mereka, juga dapat memberikan suatu kebanggaan kepada pihak suami (Garland, 1971). Selain dari itu, Scanzoni (1978) mendapati bahawa di samping dapat meninggikan taraf kehidupan keluarga, kedudukan sosial keluarga dalam masyarakat juga meningkat. Begitu juga Booth (1977) yang mendapati bahawa isteri yang bekerja dapat menjaga keharmonian hubungan antara suami isteri. Beliau juga berpendapat bahawa suami merasai tertekan hanya di peringkat awal isteri menceburkan diri di bidang pekerjaan dan penyesuaian yang berikutnya dapat melahirkan kepuasan kepada perkahwinan mereka.

Dalam memperkatakan permasalahan utama yang dihadapi oleh pasangan dwi karier, tugas-tugas rumah merupakan masalah yang sering dihadapi oleh mereka. Ini telah digambarkan dari masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pasangan suami isteri seperti di rajah 3.3. Masalah menguruskan rumah tangga merupakan tanggungjawab yang harus dilaksanakan oleh isteri sepenuhnya samada ia bekerja atau tidak. Faktor utama yang mungkin menyebabkan mereka menghadapi masalah ini ialah keadaan masa dan tenaga yang agak terhad. Ini timbul dari perlaksanaan tugas di pejabat dan tanggungjawab sebagai surirumah dan ibu apabila mereka pulang ke rumah. Sehubungan dengan ini, Shaver (1976) berpendapat bahawa wanita yang telah mendirikan rumah tangga sering melahirkan perasaan kekecewaan dan ketidakpuasan hati. Ini adalah disebabkan oleh para suami sering mengharapkan isteri mereka mengurus rumah tangga dengan sebaik yang mungkin.

Sehubungan dengan permasalahan ini juga, didapati responden suami meletakkan tugas-tugas rumah sebagai masalah utama yang sering mereka hadapi. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh ketidakminatan mereka di dalam melakukan kerja-kerja rumah. Sebagaimana yang telah

dinyatakan, anak lelaki dibesarkan dalam tuntutan yang berbeza dari anak perempuan. Umpamanya anak lelaki disosialisasikan dengan jangkaan agar dapat mengembangkan potensinya sebagai seseorang yang dapat memenuhi keperluan masa depan melalui pekerjaan. Sebaliknya anak perempuan disosialisasikan dengan tugas-tugas yang menuju ke arah pengurusan rumah tangga. Perbezaan yang ujud ini dibawa ke alam dewasa dan mendapat pengukuhan dari masyarakat sekeliling. Justru itulah didapati suami menghadapi masalah apabila didedahkan tugas-tugas rumah yang bukan merupakan kebiasaan bagi mereka. Hal ini menjadi masalah juga kerana mahu tidak mahu mereka harus melakukannya memandangkan isteri mereka kini bekerja dan mereka pula seharusnya membantu.

Perbincangan Hipotesis 1

Hipotesis pertama yang menyatakan bahawa pembahagian tenaga dalam tugas-tugas rumah mengikut jantina adalah disokong (lihat jadual 3.4). Keputusan kajian ini menyokong kajian-kajian sebelum ini (Blood dan Wolfe, 1960; Christiano dan Fong, 1980; Fatimah, 1983; Scanzoni, 1978 dan Szalai, 1972). Bagaimanapun, dalam hal bermain dengan anak ketika masa lapang dan membeli barang makanan/membeli di pasar didapati menunjukkan adanya perubahan dalam sikap suami untuk menolong secara lebih kerap.

Berdasarkan penemuan yang didapati, jika dilihat pada pembahagian tugas mengikut jantina seperti mana yang diutarakan oleh Burgess et al (1971) iaitu tugas-tugas yang bersifat luaran dibuat oleh lelaki dan dalaman dibuat oleh wanita, maka hasil kajian yang didapati menepati pembahagian ini. Erickson (1963) pula menyebut:

"... men are active, women intuitive, men are interested on things and ideas, women in people and feeling. Stand in the sun and experience the bright, hot, active, positive male. More under cover and feel the dark, moist, cold, passive force of female". (dalam Janeway, hal. 10).

Pengutaraan pandangan Erickson (1963) ini jelas membayangkan ciri-ciri lingkungan dalam rumah untuk wanita dan lingkungan luar untuk leleki. Pendekata, tempat wanita ialah di rumah dan lelaki di luar rumah.

Telah menjadi hakikat bahawa tugas-tugas domestik seperti menyediakan makanan, membasuh pakaian, mengemas rumah, penjagaan anak kecil merupakan tanggungjawab yang lazim bagi kebanyakan wanita, tidak kira samada ia muda atau tua, berkahwin atau bujang, kaya atau miskin ataupun bekerja sepenuh masa atau tidak (Delamont, 1980). Meskipun pasangan suami isteri mahu memecahkan pola pembahagian tugas mengikut tradisi, namun kewajipan ke atas tugas-tugas domestik ini masih terletak di bahu wanita dan mereka harus mengelakkannya. Malah Ropoport & Ropoport (1976) menyatakan :

"...that is the wife who must be remember about things that have to be done in home, even though they may have negotiated an agreement to share responsibilities. The husband simply forgets once he has left the house, wiping his mind clean of domestic concerns because he has been programmed by society to shift his attention to external concerns". (hal. 368).

Sehubungan dengan perkara di atas, terdapat dua tugas rumah yang tidak menunjukkan bahawa ianya mengikut jantina iaitu membeli barang makanan dan bermain dengan anak, sebaliknya ia menampakkan ada penglibatan yang agak lebih dari pihak suami meskipun tidak

begitu menonjol secara statistiknya.

Dalam keluarga tradisional, khususnya bagi keluarga Melayu, wanita jarang sekali melakukan tugas membeli bahan makanan/membeli di pasar (Roosc, 1963) dan (Swift, 1963). Ini adalah kerana dalam keluarga tradisional suami merupakan pencari nafkah kepada keluarga. Penglibatan isteri di bidang pekerjaan kini telah membuka era baru dalam kehidupan berkeluarga. Wanita sekarang boleh menyumbangkan sesuatu terhadap ekonomi keluarga.

Sementara dalam hal bermain dengan anak bermakna bahawa suami kini tidak mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang lelaki dan tidak menyerahkan tanggungjawab ini bulat-bulat kepada isteri. Kesibukan isterinya telah menyebabkan mereka terpaksa meluangkan masa untuk bersama anak-anak di samping dapat mengeratkan lagi hubungan dalam keluarga.

Perbincangan Hipotesis 2

Hipotesis kedua yang akan dibincangkan ini, sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan hipotesis pertama. Ini adalah kerana ia masih melibatkan tugas-tugas rumah yang dilakukan oleh suami isteri. Daripada hipotesis kedua yang menyatakan penglibatan isteri di bidang pekerjaan turut melibatkan suami dalam kerja-kerja domestik, didapati bahawa hasil kajian tidak menyokongnya. Penglibatan suami dalam tugas-tugas domestik didapati masih berada di peringkat yang rendah.

Dari jadual 3.5, menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam semua tugas-tugas rumah yang disenaraikan kecuali dalam hal membeli barang makanan/membeli di pasar. Apa yang dapat

disimpulkan dari penemuan ini ialah kesemua tugas-tugas domestik adalah dilakukan oleh isteri sendiri dan penglibatan suami nampaknya meningkat dalam hal membeli barang makanan/membeli di pasar. Dari jadual 3.5; terdapat pengurangan penglibatan isteri dalam hal bermain dengan anak. Ini memperlihatkan bahawa adanya bantuan dari suami.

Dari fenomena yang dibentangkan di atas, nyatalah bahawa isteri lebih banyak melakukan tugas-tugas rumah kecuali penglibatan suami dalam hal bermain dengan anak dan dalam hal membeli barang makanan/membeli di pasar yang dilakukan secara bersama.

Kajian ini telah didapati bertentangan dengan hasil kajian Berkowitz (1984), Burgess et al (1971) dan Mohd. Roslan Ali (1984) yang ringkasnya menunjukkan penglibatan suami dalam tugas-tugas domestik adalah meningkat apabila isteri mereka bekerja.

Walaupun paras penglibatan suami rendah dalam tugas-tugas domestik, tetapi dari beberapa segi seperti bermain dengan anak, didapati ada kemajuan dalam paras penglibatan suami (digambarkan 18.75% bagi suami, berbanding dengan 6.25%). Hasil penemuan ini didapati sama dengan kajian Oakley (1974).

Tugas-tugas seperti membersih kawasan luar rumah, membayar bil-bil, penjagaan kereta dan membawa anak ke klinik tidak diambil kira dalam konteks ini kerana ianya bukan merupakan tugas-tugas yang dilakukan sebagai rutin sehari-hari atau amalan yang konsisten.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab keputusan, peratus penglibatan suami dalam tugas-tugas rumah seperti menyediakan makanan, membasuh pakaian, membasuh pinggan dan menggosok pakaian adalah rendah secara perbandingannya daripada peratus penyertaan

Suami dalam hal menjaga anak seperti menukar lampin anak di waktu malam, menidurkan anak dan memberi makan anak serta tinggi penglibatan suami dalam hal bermain dengan anak. Suatu rumusan yang dapat dibuat di sini mengenai kelebihan penglibatan suami dalam tugas penjagaan anak yang lebih dari tugas-tugas rumah yang lain ialah kerana tugas penjagaan anak jarang mendapat bantuan daripada pembantu rumah atau saudara mara, khususnya di waktu malam. Ini dapat dilihat dari jadual 3.5 di mana tidak ada seorang pun dari pembantu rumah yang selalu melakukan tugas seperti menukar lampin anak di waktu malam dan juga menyediakan susu di waktu malam.

Sebaliknya, dalam menguruskan tugas-tugas rumah, pembantu rumah sering melakukan tugas ini bersama dengan isteri. Penglibatan suami dalam hal menjaga anak juga mungkin disebabkan tugas ini dapat mengeratkan kasih sayang di antara mereka dengan anak-anak dan pada masa yang sama dengan isteri. Justeru itulah didapati peratus penglibatan suami dalam hal menjaga anak melebihi dari peratus mereka dalam hal tugas-tugas rumah atau domestik.

Sebagaimana yang dinyatakan di awal bab pertama, penglibatan suami yang rendah dalam kerja-kerja domestik adalah ekoran dari proses sosialisasi yang diterima dari kecil yang telah terbawabawa hingga ke alam dewasa. Malah menurut Grande (1961), lelaki yang berkesanggupan melaksanakan tugas-tugas rumah, mungkin mendapat ejekan dari masyarakat. Pun begitu, isteri pula masih dapat melakukan kerja-kerja domestik sebagai suatu ketetapan dalam norma kehidupan masyarakat. Di samping itu juga, mereka belum bersedia untuk menyerahkan tugas-tugas tersebut secara sepenuhnya kepada suami mereka. Malah Oakley (1974) berpendapat walaupun

seseorang suami melibatkan diri secara intensif dalam kerja-kerja domestik, namun ianya masih tidak dapat diterima oleh masyarakat. Bagi wanita yang kurang melibatkan diri dalam kerja-kerja rumah, harus pula menghadapi tekanan dari masyarakat sekeliling bahawa wanita harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tugas-tugas rumah dan penjagaan anak. Pendekata, tugas-tugas rumah merupakan sesuatu yang biasa bagi wanita dan bukan kebiasaan bagi lelaki.

Perbincangan Hipotesis 3

Keputusan mengenai hipotesis ketiga didapati bertentangan dengan hasil kajian oleh Erickson (1979), Lidsky (1979), Stellman dan Baum (1973) dan Strange (1981) yang menunjukkan bahawa isteri yang bekerja mengalami tekanan yang lebih dalam kehidupan berumah-tangga. Dalam kajian ini, dari peratus yang ditunjukkan dalam rajah 3.7, walaupun didapati bahawa isteri sering mengalami keadaan-keadaan seperti sering merasa letih, dan merasa sakit-sakit atau sengal-sengal di badan serta emosi yang terganggu, namun kriteria-kriteria ini tidaklah mencerminkan keadaan tekanan di kalangan isteri yang bekerja. Keadaan-keadaan yang disebutkan ini merupakan perkara yang biasa bagi seseorang yang melakukan sesuatu kerja dan terpaksa pula melakukan kerja lain selepas melakukan kerja yang pertama tadi. Kriteria-kriteria lain yang dapat mencirikan tekanan termasuklah mudah merasa bosan, gangguan semasa tidur, sesak pernafasan, degupan jantung yang kuat, sering mengidap sakit kepala, darah gemuruh, tapak tangan yang sentiasa berpeluh, rasa resah gelisah, sering rasa nak marah dan lain-lain faktor tekanan.

Dalam hal di atas juga kerja-kerja rumah yang harus dilaksanakan

bukanlah merupakan faktor yang boleh membawa tekanan kepada isteri-isteri yang bekerja. Ini memandangkan tugas-tugas rumah merupakan kewajipan yang harus dipenuhi oleh seorang wanita. Di samping itu, pepatah yang menyebut ' alah bisa tegal biasa ' dapat memberikan sebab mengapa isteri yang bekerja tidak begitu merasa tertekan akibat perlaksanaan tugas rumah. Mereka juga dapat membuat penyesuaian kepada dua tuntutan peranan tersebut. Tambahan pula, pasangan suami isteri yang bekerja kini mampu menyediakan pembantu rumah yang dapat membantu mereka melaksanakan tugas-tugas rumah (dilihat dari 32.5% responden yang mempunyai pembantu rumah, 17.5% bantuan dari saudara mara dan 12.5% dari ibu/mertua). Secara tidak langsung bantuan-bantuan ini telah dapat meringankan beban kerja-kerja rumah yang harus dipenuhi oleh pasangan dwi karier. Ini juga mungkin merupakan salah satu faktor kurangnya berlaku tekanan dalam melaksanakan tugas-tugas rumah bagi isteri-isteri yang bekerja.

Walaupun dikatakan isteri yang bekerja menghadapi masalah masa dan tenaga sepetimana yang dinyatakan dalam bab pengenalan, namun hasil kajian menunjukkan bahawa responden dari mereka yang mempunyai masa yang cukup dengan yang tidak mempunyai cukup masa adalah tidak berbeza (lihat hal. 54). Jadi adalah sukar untuk menyatakan secara pasti yang isteri bekerja itu menghadapi masalah masa. Jika mereka menghadapi masalah pun, kemungkinan penyesuaian dapat dibuat dengan adanya pembantu rumah, penggunaan peralatan moden yang mempercepatkan tugas-tugas domestik ataupun mendapat bantuan dari saudara mara.

Keadaan yang sama juga dapat dilihat pada responden yang menghadapi masalah pengimbangan peranan suri rumah dan pekerja.

Perimbangan peranan sebagai surirumah dengan pekerja mungkin merupakan masalah besar kepada setengah responden sahaja. Isteri yang mempunyai masalah ini mungkin disebabkan kesukaran mereka dalam membuat penyesuaian dengan kedua-dua peranan tersebut, kekurangan masa ataupun mungkin sering merasa letih dengan tugas sehari-hari yang harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Sementara bagi responden yang tidak menghadapi masalah dalam mengimbangkan tuntutan dua peranan tersebut mungkin disebabkan mereka telah lama bekerja dan berkahwin dan segala tugas-tugas di rumah dan di pejabat dapat dilakukan dengan baik. Penyesuaian yang dapat diujudkan inilah yang menyebabkan isteri tidak bermasalah dalam karier dan peranan mereka di rumah.

Di zaman sains dan teknologi ini, penggunaan peralatan moden dapat bertindak sebagai pemangkin kepada tugas-tugas rumah. Ini telah secara tidak langsung telah dapat menjimatkan masa dan tenaga. Peralatan-peralatan dapur dan sistem pengetinan serta pembungkusan makanan yang mudah telah memberi kemudahan serta menjimatkan masa dan juga tenaga. Masa dan tenaga sebagaimana yang dihuraikan dalam bab Pertama, merupakan dua faktor penting kepada pasangan suami isteri yang bekerja. Justeru itu, dengan cara memaksimumkan penggunaan alat-alat moden dan corak perancangan yang baik dapat mengurangkan masalah dan tekanan dalam kehidupan pasangan dwi karier khususnya di pihak isteri. Malah, menurut Hoffman dan Nye (1978), salah satu faktor yang membawa kepada autonomi wanita untuk melibatkan diri dalam arena pekerjaan adalah kerana tugas-tugas rumah semakin banyak diperlakukan atau dipercepatkan lagi dengan penggunaan peralatan moden.

Perbincangan Hipotesis 4

Hipotesis keempat dalam kajian ini juga telah ditolak setelah penganalisisan dibuat. Dalam proses membuat keputusan berhubung dengan urusan rumahtangga, isteri didapati tidaklah berkuasa. Hasil kajian ini memperlihatkan percanggahan dengan apa yang diperolehi oleh Blood dan Wolfe (1960) dan Christiano dan Fong (1980) yang menyatakan isteri lebih berkuasa dalam proses membuat keputusan dalam hal rumahtangga. Hasil kajian Fatimah (1983) pula menunjukkan walaupun pertambahan kuasa isteri dari segi kewangan dan kuasa membuat keputusan, namun kuasa suami dalam hal ini tidaklah pula berkurangan. Walaupun bagaimanapun, kajian ini didapati sama dengan hasil kajian Mohd Roslan Ali (1984) yang menyatakan bahawa dalam proses membuat keputusan berhubung dengan rumahtangga, suami dan isteri melakukannya.

Wanita yang bekerja kini telah berupaya mengubah jangkaan terhadap tanggungjawab dalam urusan rumahtangga, dengan kata lain, wanita kini telah dapat menyuarakan pendapat dalam hal kepentingan keluarga. Malah dari perspektif sosiologi, wanita yang bekerja kini lebih dapat bersuara berbanding dengan wanita di zaman tradisional. Dalam konteks ini, isteri sering dibawa berbincang dalam mencapai sesuatu keputusan. Penerimaan pendapat isteri mungkin disebabkan ujudnya sikap *tebuka* suami dalam konteks membuat keputusan dan ini pula boleh dikaitkan dengan sumbangan isteri dari segi kewangan.

Dalam hal ini juga, taraf pendidikan isteri yang tinggi atau setaraf dengan suami membawa kepada pola membuat keputusan yang lebih bersifat kesamaan (equalitarian) dalam kehidupan

berumahtangga (Blood dan Wolfe, 1960; Ropoport & Ropoport, 1976). Di samping itu, pengaruh kedudukan isteri yang bekerja yang hampir dominan menyamai kedudukan suami dalam konteks membuat keputusan mungkin juga ujud dari kesefahaman dan toleransi antara suami isteri.

Walaupun hasil kajian menunjukkan proses membuat keputusan dibuat secara bersama, namun dalam beberapa hal terdapat sedikit perbezaan dari segi peratus. Didapati peratus suami adalah tinggi dari peratus isteri dalam membuat keputusan, kecuali dalam dua hal iaitu pelajaran dan pakaian anak-anak serta pembelian alat perabut rumah (lihat jadual 3.9). Membeli perabut rumah yang sering diputuskan oleh isteri mungkin kerana wanita yang gemarkan objek yang seni yang menarik, di samping mereka kini telahpun mempunyai pendapatan mereka sendiri. Dalam hal pelajaran dan pakaian anak-anak, keadaan ini mungkin disebabkan isteri lebih rapat dengan anak-anak dan dengan ini mereka lebih memahami kehendak anak-anak.

Meskipun terdapat perubahan dari segi peranan dan kedudukan isteri serta perubahan dalam membuat keputusan, namun ianya tidaklah pula menggugat keharmonian rumahtangga, khususnya di pihak suami. Keadaan ini dapat diujudkan lantaran kefahaman, toleransi dan kerjasama yang dapat dijalankan antara suami isteri. Di samping itu, suami isteri yang bekerja juga telah dapat membuat penyesuaian dalam kehidupan berumahtangga. Walaupun hak membuat keputusan adalah secara bersama, namun suami masih kekal sebagai ketua keluarga dan lebih berkuasa dalam membuat penentuan kepada hal-hal rumahtangga (lihat hal.57)

Penutup

Dari keputusan dan perbincangan yang telah dihuraikan, pengkaji telah membuat gambaran secara umum tentang latarbelakang responden serta masalah-masalah umum yang dihadapi. Keputusan dan perbincangan juga mencakupi pemerihalan hipotesis-hipotesis yang dibina.

Hipotesis pertama yang menyatakan pola pembahagian tenaga dalam tugas-tugas domestik adalah mengikut cara tradisional telah disokong dengan penganalisisan ujian Khi Kuasa dua. Manakala dalam hipotesis kedua pula didapati paras penglibatan suami dalam tugas-tugas domestik adalah di tahap yang rendah. Analisis Pengkali Korelasi Pearson (r) pula yang digunakan bagi menguji hipotesis ketiga mendapati tidak ujudnya korelasi atau hubungan yang signifikan antara tekanan dengan tugas-tugas domestik. Bagi menguji hipotesis keempat, ujian t telah digunakan. Hasilnya menunjukkan tidak terdapat hubungan antara suami isteri dalam proses membuat keputusan. Dengan kata lain, proses membuat keputusan dalam hal yang berhubung dengan rumah tangga adalah dibuat bersama. Keseluruhannya, hanya hipotesis pertama yang diterima, manakala 3 hipotesis lagi ditolak.

Sehubungan dengan permasalahan yang diutarakan, pengkaji cuba memberikan saranan-saranan yang dijangka dapat mengubah sedikit sebanyak fenomena yang telah dibincangkan. Sepertimana yang didapati dari hasil kajian, masalah yang utama dihadapi ialah masalah tugas-tugas rumah, maka jangkaan dan sikap yang membahagikan kerja sebagai kerja lelaki dan kerja perempuan haruslah dikikis. Oleh kerana bebanan tugas-tugas rumah (domestik) lebih banyak dilakukan

oleh isteri, maka suami seharusnya sama-sama memikul tanggung-jawab ini. Ini memandangkan isteri telahpun menyumbang pendapatan dalam keluarga yang merupakan tanggungjawab utama pihak suami. Jadi, suami haruslah berkorban sedikit masa dan tenaganya dalam melaksanakan tugas-tugas rumah yang dilakukan oleh isteri.

Bagi pihak isteri pula, seharusnya membuat persediaan bukan sahaja dari segi mengatur semua aktiviti hariannya, tetapi juga dari segi persediaan mental dan sikapnya. Mereka harus juga menerima kenyataan bahawa dengan masa dan tenaga yang dicurahkan di luar rumah, maka mereka juga mempunyai masa dan tenaga yang terhad untuk mengurus tugas-tugas rumah serta masa untuk bersama anak-anak dan suami. Ini adalah penting supaya tidak timbul rasa kesal, bersalah, bermasalah atau konflik dalam diri mereka seperti tidak dapat melaksanakan tugas rumah dengan baik apabila mereka membandingkan diri mereka dengan ibu-ibu yang menjadi surirumah sepenuh masa.

Di samping pengorbanan dan kefahaman dari pihak suami dan isteri, masyarakat juga hendaklah mengubah fikiran dan prasangka tradisional dalam hal pembahagian tenaga dalam kerja-kerja rumah. Dalam hal mengurangkan masalah tugas-tugas rumah, corak pengurusan yang efisyen adalah perlu difikirkan seperti memaksimumkan alatan moden, mengadakan pembantu rumah ataupun mendapat bantuan dari saudara mara bagi membantu suami isteri. Dalam hal penjagaan anak pula, sekiranya terdapat kesukaran mendapatkan pembantu rumah atau orang yang boleh menjaga anak-anak ketika suami isteri pergi kerja, maka tiap-tiap tempat kerja patut mengadakan nurseri atau pusat harian penjagaan anak supaya menyenangkan ibu bapa menghantar dan mengambil mereka apabila pergi dan pulang dari kerja. Malangnya pusat-pusat sebegini kurang mendapat sambutan

dari masyarakat kita. Ini mungkin disebabkan biaya yang tinggi atau jauh dari rumah ataupun tempat kerja yang menyebabkan suami isteri yang bekerja tidak mampu menempatkan anak-anak mereka di institusi tersebut. Oleh itu, pusat-pusat penjagaan anak atau nurseri ini yang ditubuhkan di tempat kerja haruslah mengenakan bayaran yang berpatutan, sesuai dengan pendapatan ibu bapa kanak-kanak tersebut.

Cadangan-cadangan Untuk Kajian Di masa Depan

Kajian yang telah dijalankan ini cuba memaparkan masalah dan tekanan yang dihadapi oleh pasangan dwi karier dalam kehidupan berkeluarga. Walaupun ianya telah memberi sedikit sumbangan kepada bidang penulisan latihan ilmiah, namun masih terdapat beberapa kekurangan dan seharusnya dikaji dengan lebih mendalam lagi.

Kajian mengenai perbandingan di antara pasangan dwi karier dan pasangan yang hanya suami sahaja bekerja patut dijalankan sebagai satu cara melihat perbezaan masalah yang dihadapi dalam kehidupan berumahtangga. Di samping itu, jika kajian hanya menumpukan kepada satu pihak sahaja seperti pasangan suami isteri yang bekerja, maka agak sukar untuk menentukan adakah benar-benar ujud masalah bagi pasangan dwi karier. Begitu juga bagi pasangan yang hanya suami sahaja yang mencari nafkah kepada keluarganya.

Kajian juga haruslah menumpukan kepada pasangan dwi karier di bandar-bandar kecil dan di bandar-bandar besar dengan membuat perbandingan antara keduanya. Perbandingan antara kedua pasangan suami isteri ini dalam kehidupan berumahtangga dapat memberi gambaran perbezaan dan persamaan masalah yang ujud.

Kajian juga haruslah melihat masalah-masalah dan tekanan dalam konteks yang berbeza dalam ketiga-tiga kelas sosial iaitu kelas atasan, menengah dan bawahan. Perbandingan juga haruslah dibuat bagi mengetahui aspek-aspek yang sama atau berbeza dari segi masalah yang dihadapi oleh ketiga-tiga kelas tersebut.

Memandangkan semakin ramai wanita yang melibatkan diri dalam dunia pekerjaan dan ekoran dari ini memberi kesan ke atas kehidupan berkeluarga mereka seperti kurangnya masa yang dicurahkan di rumah, maka kajian yang menyentuh mengenai corak pengurusan di kalangan ibu-ibu yang bekerja haruslah dijalankan. Ini adalah penting bagi memudahkan ibu-ibu yang bekerja menyuaikan kehidupan pekerjaan mereka dengan rumahtangga mereka, di samping dapat mengetahui corak pengurusan yang dilakukan oleh ibu-ibu yang bekerja. Di samping itu juga, perbandingan hendaklah dibuat antara ibu-ibu yang bekerja dan tidak bekerja dari segi corak pengurusan mereka. Dengan ini iaanya dapat memberi gambaran bagaimana kedua-dua ibu dari dua keluarga menjalani kehidupan mereka dalam menguruskan rumahtangga.

Bab ini telah membincangkan dan membuat huraian yang agak panjang dari segi hasil keputusan yang telah diperolehi. Dari perbincangan hipotesis yang dibina, meskipun hanya satu sahaja hipotesis yang diterima, namun iaanya tidaklah menunjukkan 3 hipotesis lagi bercanggah dengan kajian-kajian lalu secara keseluruhannya. Dengan makna lain, terdapat juga kajian yang menyokong penolakan hipotesis yang telah dibuat itu. Perbincangan yang diutarakan banyak menggambarkan masalah dari segi tugas-tugas rumah yang merupakan perkara yang sering dihadapi oleh pasangan dwi karier. Akhir sekali, kesimpulan secara ringkas telah dibuat dan saranansaranan diberi kepada pasangan dwi karier dan juga masyarakat.

Saranan juga dibuat dengan memberikan cadangan-cadangan untuk kajian dan penulisan di masa akan datang. Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat diteruskan bagi menambahkan lagi bidang ilmu pengetahuan.

- Amato, C. (1977). "Wife's Attitudes and Wives' Commitment to Employment". *Journal of Marriage and the Family*, 48, 11, 673 - 684.
- Bahr, S.J. and Rukmini, S.G. (1973). Crisis Configural Power: Family as Interaction System. *Journal of Marriage and the Family*, 44, 11, 101 - 115.
- Burgess, E.O. (1950). *Women, Wives, Housewives and Family as Interaction System*. *Journal of Marriage and the Family*, 31, 11, 161 - 175.
- Burgess, E.O. and Schatz, E.A. (1977). *Principles of the Psychological of Action*. Van Nostrand Reinhold Co.
- Burgess, E.O. and Waller, M. (1950). *House and Wives : The Dynamics of Family Living*. New York : The Free Press.
- South, A. (1974). Wife Employment and Husband Stress : A Replication. *Journal of Marriage and the Family*, 46, 11, 645 - 657.
- South, A. (1976). *Principles of Interaction Theory*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Burgess, E.O., Lucke, H.L. and Thomas, M. (1971). *The Family from Tradition to Compromising Van Nostrand Reinhold Co.*
- Davis, R.J. and Weir, J. (1976). Relationships of Wives' Employment Status on Husband, Wife and Child Satisfaction and Participation. *Journal of Marriage and the Family*, 48, 779 - 799.

RUJUKAN :

Anastasi, A. (1968). Psychological Testing. New York : Mc Millan Co. Inc.

Arnott, C. (1972). "Husband's Attitude and Wives Commitment to Employment". Journal of Marriage and The Family, 34, 11, 673 -684.

Bahr, S.J. and Rollins, B.C. (1971). Crisis Conjugal Power. Family as Interacting System. Journal of Marketing and The Family, 12, 330 - 367.

Derkowitz, A.D. (1964). Stress Among Farm Women. Work and Family as Interacting System. Journal of Marriage and The Family, 46, 11, 161 - 165.

Birren, J.E. and Schaie, K.W. (1977). Handbook of The Psychological of Aging : Van Nostrand Reinhold Co.

Blood, R.O and Wolfe, D. (1960). Husbands and Wives : The Dynamics of Married Living. New York : The Free Press.

Booth, A. (1977). Wife Employment and Husband Stress : A Replication and Reputation. Journal of Marriage and The Family, 39, 11, 645 - 649.

Brown, F.G. (1976). Principles of Educational Testing. New York: Holt, Rinehart and Winston.

Burgess, E.W., Locke, H.J. and Thomas, M. (1971). The Family. From Traditional to Companionship: Van Nostrand Reinhold Co.

Burke, R.J. and Weir, T. (1976). Relationships of Wives Employment Status to Husband, Wife and Pair Satisfaction and Performance. Journal of Marriage and The Family, 38, 279 - 289.

Christiano, D.J. and Fong, M.L. (1980). Strategies for Reduction of Conflict and Tension in Two Career Families. Family Perspective, 73 - 80.

Clark, R.A., Nye, F.I. and Gecas, V. (1978). Husband's Work Involvement and Marital Role Performance. Journal of Marriage and The Family, 2, 9 - 20.

Cobb, S. (1976). "Social Support as a Moderator of Life Stress". Psychosomatic Medicine, 38, 300 - 314.

Cox, T. (1978). Stress. London: Mc Millan Press Ltd.

Cox, T. (1981). The Nature of Stress. It's Measurements and Management, dalam Howarth, C & Gillham, W. (peny.). The Structure of Psychology. London: George Allen & Unwin.

Delamount, S. (1980). The Sociology of Woman. London: Biling and Sons Ltd.

Dunlop, K.H. (1981). "Maternal Employment and Childcare". Professional Psychology, 12, 67 - 75.

Erickson, J.A., William, L. and Erickson, E.P. (1979). The Division of Family Roles. Journal of Marriage and The Family, 41, 2, 301 -313.

Eitinger, L. (1971). Acute and Chronic Psychiatric and Psychomatic Reaction in Concentration camp. Survivors. Dalam L. Levi (ed.), Society, Stress and Disease, London: Oxford University Press.

Fatimah Abdullah (1983). Wanita Melayu dan Pekerjaan. Satu Analisis Konflik Peranan. Thesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

- Grande, E. (1961). The Lonely Wives. The Observe, 11, 5.
- Henslin, J.M. (1980). Marriage and Family in a Changing Society. New York: The Free Press.
- Hoffman, L.W. (1974). Working Mothers, London: Jossey Bass Publishers.
- Hoffman, L.W. and Nye, F.I. (1975). Working Mothers. London: Jossey Bass Publication.
- Holmstrom, L.L. (1972). The Two Career Family. Cambridge Mass: Schkenman.
- Jerias, N. (1977). Wives Perception of Marital Decision Making. Home Economics Research Journal, 5, 146 - 153.
- Judith, B.A. (1979). Woman on Job. Lexington: D.C. Health and Co.
- Lidsky, A.M. (1979). Dual Career Family: A Social Psychological Study From A System Theory Perspective. Northwestern Univ.
- Mc Cubbin, H.J., Joy, C.B., Cauble, A.E., Comeau, J.K., Patterson, J.M. and Needle, R.H. (1980). "Family Stress and Coping: A Decade Review". Journal of Marriage and The Family, 42, 11, 855 - 871.
- Mohd. Roslan Ali. (1980). Penglibatan Wanita Dalam Pekerjaan : Kesannya Terhadap Peranan dan Kedudukan Isteri Dalam Rumah tangga. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi.
- Mc Elroy, A. and Townsend, K. (1979). Medical Anthropology In Ecological Perspective. Massachusetts: Duxbury Press.
- Nichols, A., Munaw, C.R. and Dorothy, Z. (1971). Family Management. Journal of Marriage and The Family, 33, 1, 112-117.

- Noll, V.H. and Scannell, D.P. (1972). Introduction to Educational Measurement. Boston: Houghton, Mifflin Co.
- Nor Jahan Ibrahim. (1984). Corak Pengurusan di Kalangan Ibu-ibu Yang Bekerja di Mukim Ampangan. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang: Fakulti Pembangunan Manusia.
- Nye, F.I. (1975). "Sociocultural Context", dalam L.W. Hoffman and F.I. Nye (eds.), Working Mothers. London: Jossey Bass Publishers.
- Oakley, A. (1974). The Sociology of Housework. New York: Pantheon Books, A Division of Random House.
- Powell, K.S. (1963). Personalities of Children and Childbearing of Mothers in America. Chicago: Rand Mc Nally.
- Parson, T. (1942). "Age, Sex in the Social Structure in the U.S". American Sociological Review, 7, 604 - 666.
- Ropoport, R. and Ropoport, R. (1971). Further Consideration of Dual Career Family. Human Relations, 24, 515 - 533.
- Ropoport, R. and Ropoport, R.N. (1976). Dual Career Families Reexamined. New York: Harper Colophon Books.
- Roose, H. (1963). Changes in the Position of Malay Women. dalam B.E Ward (ed.). Women in New Asia. UNESCO.
- Scanzoni, J. (1978). Sex Roles, Women's and Marital Conflict. Lexington: Mass D.C. Health and Co.
- Schulz, D.R. (1982). The Changing Family: It's Function and Future. New York: N.J. Prentice Hall, Inc. Englewood Cliff.
- Scott, R. and Howard, A. (1970). Model of Stress. Dalam S. Levine and N.A. Scotch (eds.), Social Stress. Chicago: Aldine.

Selye, H. (1956). The Stress of Life. New York: Mc Graw Hill.

Selye, H. (1974). Stress Without Distress. New York: Harper and Row.

Shaver, P. and Freedman, J. (1976). Your Pursuit of Happiness. Psychological Today, 90, 26 - 29.

Stellman, J.M. and Daum, S.M. (1973). Work is Dangerous for Your Health, New York: American Book Standford Press.

Strange, H. (1981). Rural Malay Women in Traditional and Transition. New York: Praeger.

Stacyker, S. and Macke, A.S. (1978). "Status and Inconsistency and Role Conflict". Annual Review of Sociology, 4, 57.

Swift, M. (1963). "Men and Women in Malay Society". Dalam Barbara E.W. (ed), Women in New Asia : UNESCO.

Tanner, T. (1977). Stress. Nederland: Time Life International.

Weber, M. (1974). Social Process and Power in Family (dalam Burr, Hill, Nye dan Reis), (eds.), Contemporary Theories About The Family. New York: The Free Press.

Dokumen

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia. Kuala Lumpur, Ogos, 1983.

Majalah

Adalah Mustahil Untuk Mencapai Kejayaan Dalam Kedua-dua Bidang ini - Karier dan Rumahtangga - Tapi Bagaimana Suami Boleh Membantu Isteri Yang Bekerja. (November, 1981). Dewi, 19

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PSIKOLOGI

MP 4009

PERHATIAN : Saya adalah pelajar Tahun Kepujian dalam Jabatan Psikologi, UKM, Bangi. Kajian yang dijalankan ini merupakan salah satu syarat bagi memenuhi Ijazah Sarjana Muda Kepujian. Oleh itu, saya amat berterimakasih di atas kesudihan tuan puan melapangkan masa bagi menjawab soalan ini. Apa sahaja yang dijawab dijamin tidak akan dibocorkan.

Soal selidik ini mengandungi 6 bahagian iaitu A, B, C, D, E dan F. Anda tidak perlu menjawab semua soalan yang dikemukakan.

Terdapat soalan-soalan yang harus dijawab oleh pihak suami sahaja dan begitu juga bagi pihak isteri. Ada juga soalan yang harus dijawab oleh kedua-duanya (suami dan isteri).

Sila tandakan / pada petak yang disediakan untuk menjawab soalan yang berkaitan dengannya. Sila tandakan di petak masing-masing. Kerjasama dari tuan puan amat dihargai dan diharapkan tuan puan dapat memberikan jawaban yang sebenarnya bagi menjayakan projek ini.

Sekian, terimakasih

Yang benar
Maimunah Hj. Mohd.

(A) LATAR BELAKANG PASANGAN SUAMI ISTERI

Sila kosongkan
ruangan ini

(1) Kategori anda : Suami

Isteri

(2) Berapakah umur anda?

(a) Suami _____

(b) Isteri _____

(3) Sudah berapa lamakah anda berkahwin ?

(4) Nyatakan umur dan tarikh lahir anak anda

Bil.	Umur	Tarikh lahir

(B) TARAF PELAJARAN DAN JENIS PEKERJAAN

(1) Taraf pelajaran anda: Suami Isteri

(a) LCE/SRP

(b) MCE/SPM

(c) HSC/STP

(d) Diploma

(e) Ijazah

(2) Jenis pekerjaan anda:

(a) Suami _____

(b) Isteri _____

(3) Jauhnya rumah anda dengan tempat kerja

(a) Suami _____ km (b) Isteri _____ km

(4) Sudah berapa lamakah anda bekerja ?

Sila kosongkan
ruangan ini

Suami Isteri

- (a) 6bln - 1thn
(b) 2thn - 3thn
(c) 4thn - 5thn
(d) 6thn - 7thn
(e) 8thn - 9thn
(f) Lebih dari 10 tahun

(5) Jangkamasa bekerja dalam sehari

- (a) Suami _____ jam
(b) Isteri _____ jam

(6) Bagaimanakah perasaan anda tentang
pekerjaan anda selama ini ?

- (a) Sangat memuaskan
(b) Memuaskan
(c) Kurang memuaskan
(d) Tidak memuaskan

(7) Nyatakan sebab utama anda bekerja

Suami Isteri

- (a) Untuk menyara kehidupan
keluarga
(b) Jaminan keselamatan
masa depan
(c) Menambah pendapatan dan
taraf hidup keluarga
(d) Ikatan perjanjian
biasiswa
(e) Minat
(f) Menghilangkan kebosanan
(g) Memenuhi kepuasan diri

(c) HUBUNGAN DENGAN KELUARGA

Sila kosongkan
ruangan ini

- (1) Bagaimana pendapat anda tentang
perkahwinan anda selama ini ?

Suami Isteri

(a) Bahagia

(b) Kurang bahagia

(c) Tidak bahagia

(d) Kadang-kadang bahagia
kadang-kadang tidak

- (2) Nyatakan sebab-sebab anda berlata begitu

- (3) Bagaimanakah pandangan anda terhadap isteri
yang bekerja ?

(a) Setuju

(b) Kurang setuju

(c) Tidak setuju

- (4) Pernahkan anda (suami) memberi pandangan supaya
isteri berhenti kerja ?

(a) Pernah (b) Tidak pernah

- (5) Berikan alasan kepada jawaban di atas

- (6) Pernahkah puan sendiri terfikir untuk
berhenti kerja kerana masalah rumah tangga
dan pejabat ?

(a) Pernah (b) Tidak pernah

- (7) Suami/isteri saya adalah lebih kritikal
terhadap saya pada masa kini berbanding

dengan dulu

Tidak setuju Setuju

(a) Suami

(b) Isteri

(8) Pernahkah timbul perselisihan antara anda (suami)
dengan isteri anda me genai pekerjaannya ?

(a) Pernah

(b) Tidak pernah

(9) Adakah puau mempunyai masa yang cukup untuk
menguruskan rumah tangga dan melayan suami ?

(a) Cukup masa

(b) Kurang cukup masa

(c) Tidak cukup masa

(10) Adakah puau ingin mempunyai satu masa yang
tertentu untuk berehat dan mengisi hobi puau
tanpa ada gangguan dari tugas rumah dan anak-anak?

(a) Ya

(b) Tidak

(11) Adakah anda (suami) merasakan keadaan rumah
sering tidak terurus disebabkan isteri bekerja
dan tidak cukup masa untuk menguruskannya ?

(a) Ya

(b) Tidak

(12) Meskipun isteri anda bekerja, tetapi anda ber-
pendapat isteri masih dapat memberi didikan
yang sempurna pada anak-anak

(a) Ya

(b) Tidak

(13) Pada umumnya, berapa lama anda menghabiskan
masa bersama anak-anak dalam sehari dengan
memberi tumpuan yang sepenuhnya ?

(a) Suami _____ jam

(b) Isteri _____ jam

(14) Nyatakan hal-hal yang sering menjadi masalah

Sila kosong
kan ruangan ini

Suami Isteri

- | | | | |
|--------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| (a) Wang pendapatan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| (b) Perbelanjaan rumah | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| (c) Sanak saudara | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| (d) Mertua | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (e) Tugas-tugas rumah | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| (f) Pekerjaan pasangan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (g) Masalah pejabat | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| (h) lain-lain (nyatakan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |

(D) PENGURUSAN RUMAHTANGGA

(1) Pada pendapat anda, siapakah yang harus melakukan tugas-tugas rumah

- (a) Suami (b) Isteri

(2) Adakah puan merasakan kerja-kerja rumah yang dilakukan itu membosankan ?

- (a) Ya (b) Tidak

(3) Adakah puan merasakan kerja-kerja rumah yang dilakukan itu membosankan ?

- (a) Ya (b) Tidak

(4) Oleh kerana isteri bekerja, maka anda

(suami) harus juga melakukan kerja-kerja rumah seperti yang dilakukan oleh isteri

- (a) Ya (b) Tidak

(5) Adakah anda mempunyai pembantu rumah

- (a) Ada (b) Tiada

(6) Siapakah pembantu rumah yang agak sering membantu kerja-kerja rumah anda ?

- (a) Pembantu rumah yang digaji Sila kosongkan ruangan ini
- (b) Saudara mara
- (c) Ibu/mertua
- (d) Lain-lain (nyatakan)

(7) Sisipan yang selalu membuat kerja-kerja berikut ?

	*S	I	R	PR	L
(a) Membeli barang makanan/membeli di pasar	<input type="checkbox"/>				
(b) Menyediakan makanan	<input type="checkbox"/>				
(c) Membasuh pakaian	<input type="checkbox"/>				
(d) Membasuh pinggan	<input type="checkbox"/>				
(e) Menggosok pakaian	<input type="checkbox"/>				
(f) Mengemas rumah	<input type="checkbox"/>				
(g) Membersih dan mengurus kawasan luar rumah	<input type="checkbox"/>				
(h) Membayar bil-bil (elektrik, air, talipon)	<input type="checkbox"/>				
(i) Penjagaan kereta	<input type="checkbox"/>				
(j) Bermain dengan anak	<input type="checkbox"/>				
(k) ⁺ Menukar lampin anak di waktu malam	<input type="checkbox"/>				
(l) ⁺ Menyediakan susu di waktu malam	<input type="checkbox"/>				
(m) ⁺ Menidurkan anak	<input type="checkbox"/>				
(n) ⁺ Memberi anak makan	<input type="checkbox"/>				
(o) Membawa anak ke klinik apabila sakit	<input type="checkbox"/>				

* S = Suami

I = Isteri

B = Bersama

PR = Pembantu rumah

L = Lain-lain (nyatakan)

⁺Soalan k hingga n ditandakan jika anda mempunyai anak kecil

- (8) Nyatakan kekerapan suami dan isteri melakukan tugas-tugas berikut dengan menandakan selalu (S), kadang-kadang (K) dan jarang sekali (J) bagi setiap tugas rumah yang dinyatakan

	S	K	J
(a) Membeli barang makanan/membeli di pasar	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(b) Meryediakan makanan	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(c) Membasuh pakaian	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(d) Membasuh pinggan	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(e) Menggosok pakaian	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(f) Mengemas rumah	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(g) Bermain dengan anak	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(h) Menukar lampin anak di waktu malam	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(i) Menyediakan susu di waktu malam	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(j) Menidurkan anak	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(k) Memberi makan anak	Suami <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Isteri <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

- (9) Siapakah yang menjaga anak anda apabila anda pergi kerja ? Sila kesongkan ruangan ini
- (a) Nurseri
- (b) Pembantu rumah
- (c) Ibu/mertua
- (d) Lain-lain (nyatakan)
- (10) Pada pandangan puán adakah pertolongan suami disebabkan oleh
- (a) Rasa tanggungjawab
- (b) Terpaksa
- (c) Memberi masa isteri berehat
- (d) Gemar menceleng
- (E) KESIHATAN
- (1) Seringkah puuan mengalami gangguan kesihatan seperti yang disenaraikan di bawah dalam kehidupan seharian ?
- | | | |
|--|-----------------------------|--------------------------------|
| (a) Gangguan semasa tidur | <input type="checkbox"/> Ya | <input type="checkbox"/> Tidak |
| (b) Sering merasa letih | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (c) Sesak pernafasan | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (d) Degupan jantung yang kuat | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (e) Sering mengidap sakit kepala | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (f) Merasa sakit atau sengal di badan | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (g) Tapak tangan yang berpeluh | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (h) Rasa resah gelisah | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (i) Sering rasa nak marah | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (j) Emosi yang terganggu | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |
| (k) Bosan dengan kerja pejabat dan rumah | <input type="checkbox"/> / | <input type="checkbox"/> |

(F) PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

Sila kosongkan
ruangan ini

- (1) Siapakah yang sering membuat keputusan terakhir dalam hal-hal berikut ?

* S I B

- | | | | |
|--|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| (a) Membeli rumah (jika ada) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (b) Membeli kereta (jika ada) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (c) Membeli barang keperluan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (d) Membeli perabut rumah | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (e) Pelajaran dan pakaian anak-anak | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (f) Perbelanjaan wang pendapatan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (g) Merancang aktiviti rekreasi
(berkelah, melancung dll) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

- (2) Di dalam keluarga anda, siapakah yang lebih dominan dalam membuat sesuatu keputusan berhubung dengan rumah tangga ?

(a) Suami (b) Isteri

- (3) Bagi puhan yang mempunyai pendapatan sendiri, adakah anda rasa berhak menggunakan tanpa pengetahuan suami ?

(a) Ya (b) Tidak

- (4) Adakah anda (suami) sering bersetuju dengan pandangan isteri khususnya yang berkaitan dengan kepentingannya (seperti membeli barang kemas, keluar membeli belah untuk keperluan sendiri - alat solek dll)

(a) Setuju
(b) Kadang-kadang
(c) Tidak setuju

ADIK SPSS A VM/SP REL. 3.1 EXPRESS PUT6401+ SLU303

NAME DILEMA SI
 FILE LIST ID, KAT, U, LK, BA, PP, P, LB, JAB, PTP, SUB, PP, PSIB, S1BK, THBK,
 SIK, TPP, MLS, IMBH, Ka, DIA, LEA, M3P, BM, S1Tg, M1I, KRB,
 SLKRI, PR, SBKR, V30 TO V44, SJAK, PS, TRL, V48 TO V58,
 V59 TO V65, DK, HWP, BKEP

CASES 80
 MEDIUM CARD
 FORMAT FIXED (F2.0,68F1.0)

INPUT DATA

23514221121012002120520011112244411133133120000000000000000112121110
 33514121111012002121510012233232331132223310000000000000000333333310
 2223622111201200212082001241222331113222340000000000000000333333310
 322362211110110021205200124322223311300003100000000000000333333310
 111452311120110011201200124322223311322223300000000000000331323110
 22515221412002002120230011134444311331343200000000000000333323110
 1151121111200200212083001233233313133333300000000000000333333310
 352462221210110011225200123322232211333323100000000000000333333320
 425164261210110021228200124223353111300003400000000000000332113110
 212363221210120021205300111122223103333232000000000000030322120
 21425221112002002120820012444441133223200000000000021222220
 11235222112012002120320022432222112131222310000000000000312332220
 234252221120120011205200111222221114311320000000000000221133210
 32426227111002002121310011122442411132233320000000000000332123310
 5151522111200200213282001243333333300003400000000000000333333310
 34236222421011001212520011132222111322412000000000000033333310
 225133111120020011108200211144445151333320000000000000311313310
 2332622111200200112031001123234441313223212000000000000133323220
 2214222211201200113011001241212331133312140000000000000133323310
 2323631111200200112121001113244223313002132000000000000333332310
 2332622141100200212142002221222221113333310000000000000311121110
 11513221112012002121320022412222211131111310000000000000313223310
 212332211120120021301200122122231133332330000000000001113333110
 1223422112100200212082001242322331132223340000000000000033333110
 111422211210110011308200224112122111222214000000000000111211110
 44326221111002002121220011112222111322123200000000000033333310
 33426231121012002142520011112444441132221200000000000022113210
 225142211210120012201300112322434333432000000000000113233310
 115132221220020021207200112121434111121143200000000000011321110
 3323621111101200112152001122242212121311412000000000000112212110
 114222311110120022102200224122225313333334000000000000211213210
 435163211120020011228300111344444313000032000000000000332233220
 112352211210010021305200124122322111323223100000000000003111210
 234252221310110012106200224121222111223331000000000000213221120
 445162211210110011225100123225212111322333000000000000113323210
 21142231412012002120120012322221111233334000000000000003223110
 224242224210110011306200124322211111322234000000000000213221120
 343262221210010011325200123223331111122233000000000000113333210
 22426231131011001232330021122212343332332000000000000113322220
 221452211200200212053001241233223431123214000000000000333221110
 235121241001102200205222011122444221331331212122222222112121110
 222332221002102100208222024122233111322234111122112212233333310
 3223422310011011002053220243222233113000031111122112211333333310
 112332231001102200201212024322233113222331112111111113313231110
 225112224001002100203321011344444311332343211112122211233321110

1511124100100210020822202332333313133333331121222122222333333312
5236223100110210022521104322232211333323111111112122111333333322
22364261001102100228121024223531113000034311122112211332113112
2145222100110220020531101111222231033323231112221221130322112
1425227100200120020822201124444411332223212222212212221223112
142522710020012002032220223222211213122233122122122221231233212
323422310010011002052220112222211124331132111122222211221133211
23262271001001100213122011224424111322333212122112211333333311
151522310020012003282220243333333330000341121121122211333333311
4146223100210310012522201132222111332241211212211222233333112
22342231001002200308222011144444515313333231112211211131131312
232322310010021002032220123234441313223212412121112211033333322
2146222100210120020122T0241212333113331214312122212211213333312
323322310020022002152220113444133223002132112122212221233333120
314612340021021001152220241222221113333112221211222211131121112
12332231002101200403222024122222311322323112222212222333333120
1143316100210110030121202212222311333333422222112222111331120
2233223100100120030822202431311332231111341121222122220333333120
114222310011011003082220241121221112222144222222222211112112110
342612310021011005252120112444441132221211112211221222212221120
1235222100100120021211201112222111322122212222212222133333420
2424223100200210020132201232243433433343221212211222122133333110
132322610020011002032220121214341111211432122222212120113211110
3234222100210210021221201224221212131114121211122122111122121110
12322211001102100205211024222223111331223411212211221122112132110
35162251002001200228322011344444451300003242122221222213322332210
114323110011031003052110241223221103222231311122122210031112120
2233225400110210020531102412122211122333212111221221111213221120
2426223100200210032511102322521211133223333111221122111132232110
114223140021022002012220243222211111233341212222122220032223120
1234122400210120050521202432211113322234111122112111213222120
141462321001102200322211023223333111122333121222121211133332110
251522410020011002333220112222123433323332111212221211133222210
2145223100200210033511202412332234311232141211221122223332211120

KEDUDUKAN PERJAWATAN UNIVERSITI

MENGIKUT JABATAN/FAKULTI DAN KATEGORI

(Seperti pada: 30 November, 85)

JABATAN/FAKULTI	A		B		C		D		JUMLAH	
	(a)	(b)	(a)	(b)	(a)	(b)	(a)	(b)	(a)	(b)
CANSELORI	25	23	12	8	36	33	53	51	126	115
HAL EHWAL PELAJAR	18	15	7	6	30	24	33	31	88	76
PENDAFTAR	26	25	5	5	67	60	222	262	390	352
BENDAHARI	15	10	7	6	55	52	37	31	114	99
PERPUSTAKAAN	37	35	-	-	47	46	123	117	207	198
UNIT PEMBANGUNAN	18	12	16	13	57	50	82	61	173	135
PENTADBIRAN UKMS	15	10	8	4	32	12	100	71	155	97
PENGAJIAN ISLAM	1	1	-	-	10	17	23	21	42	39
SAINS KEMASYYARAKATAN & KEMANUSIAAN	2	2	1	-	43	38	49	40	95	80
I.B.K.K.M.	1	1	-	-	5	5	3	3	9	9
PUSAT PENDIDIKAN	1	1	-	-	12	12	15	11	28	24
EKONOMI	1	1	-	-	15	14	19	18	35	33
PENGURUSAN PERNIAGAAN	1	1	-	-	10	9	14	13	25	23
PERUBATAN	17	10	30	179	96	85	194	167	537	441
SAINS FIZIK DAN GUNIANS	1	1	-	-	89	75	40	33	129	109
SAINS HAYAT	1	1	1	-	97	87	57	44	156	132
PUSAT PENGAJIAN KUANTITATIF SAINS DAN SUMBER ALAM	-	-	-	-	7	8	9	8	16	16
PUSAT Matrikulasi	1	1	-	-	6	5	5	7	12	13
PENGURUSAN HARTA	2	2	1	1	13	13	146	123	162	139
PERUMAHAN PELAJAR	2	1	11	9	22	22	106	88	141	120
PUSAT BAHASA	-	-	-	-	11	10	17	13	29	23
FAKULTI KEJURUTERAAN	-	-	-	-	20	16	13	10	33	26
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	2	2	-	-	20	4	13	2	33	8
FAKULTI SAINS PEMBANGUNAN					2	-	1	-	3	-
FAKULTI UNDANG-UNDANG					2	-	2	-	4	-
JUMLAH	183	156	299	231	829	719	1467	1245	2783	2351


• (31) Jawatan KUP (diluluskan oleh
Terbendaharaan). (+2) Jawatan di-
Fak. Perubatan yang diluluskan oleh
D/K Tetap Kewangan, bagi Jawatan
Prof. Madya.

KEDUDUKAN PERJAWATAN AKADEMIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA MENGIKUT
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT
(Seperti pada: 30 Nov. 1985)

Petunjuk:

- (a) - Peruntukan
- (b) - Bengisan
- (c) - Kekosongan

IL.	FAKULTI/INSTI-TUT/PUSAT	PROFESOR			PROFESOR MADYA			PENSYARAH			PENSYARAH PELATIH			GURU BAHASA			GURU SAINS			JUMLAH			TUTOR			
		(a)	(b)	(c)	(a)	(b)	(c)	(a)	(b)	(c)	(a)	(b)	(c)	(a)	(b)	(c)	(a)	(b)	(c)	(a)	(b)	(c)				
	FAK. PENG. ISLAM	2	-	2	(4) 19	19	-	(-4) 77	67	10				9	9	-				103	97	6	10			
2.	F.S.K.K.	5	5	-	(7) 34	35	-1	(-7) 134	104	30										166	144	22	16			
	I.B.K.K.M.	3	1	2	-	-	-	3	2	1										6	3	3	7			
	PUSAT PENDIDIKAN	--	-	-	(4) 6	7	-1	(-4) 32	30	2										34	37	-3	1			
	FAKULTI EKONOMI	1	-	1	(2) 12	12	-	(-2) 66	45	21										77	57	20	4			
	FAK. PENG. PERNIAGAAN	3	1	2	8	8	-	38	26	12										49	35	14	7			
	FAKULTI PERUBATAN	17	8	9	(3) 43	37	6	(-1) 163	119	44	150	149	1							(±2) 370	313	59	12			
	FAK. SAINS FIZ. & GUNAAN	2	2	-	(6) 16	16	-	(-6) 63	54	9										75	72	3	11			
	FAK. SAINS HAYAT	3	5	-2	(7) 16	17	-1	(-7) 70	52	18										82	74	8	9			
	PUSAT PENG. KUANTITATIF	2	1	1	(1) 6	5	1	(-1) 27	29	-1										34	34	-	7			
1.	F.S.S.A.	3	1	2	5	2	3	30	22	8				4	2	2	1	1	-	43	28	15	20			
2.	PUSAT MATRIKULASI	-	-	-	-	-	-	--	-	-										21	20	1	21	20	1	-
3.	PUSAT BAHASA	-	-	-	1	1	-	26	24	2	-			48	37		-	-	-	75	62	13	1			
4.	FAKULTI KEJURUTERAAN	2	2	-	4	4	-	20	20	-										26	25	-	12			
5.	FAK. SAINS	-	-	-	-	-	-	-	-	-										-	-	-	-			



Rajah 1: Pelan tapak Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi dan bandar-bandar di sekelilingnya.

PELAN TATA ATUR KAMPUS UKM BANGI

